

**Pesara,  
Skuad 3D  
terima  
pingat** MS 4



**Bencana  
alam punca  
banjir kilat**  
MS 7 & 10



**Bajet  
2015**  
MS 24



# buletin **Mutiara**

1 - 15 OKTOBER 2014



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

**PERCUMA**



# Tiga blok flat Bandar Sbrg. Jaya siap dicat semula

Oleh: **ZAINULFAQAR  
YAACOB**  
Gambar : **AHMAD  
ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tiga blok lima tingkat rumah flat kos rendah dekat Bandar Seberang Jaya yang baru siap dicat semula lengkap menelan belanja RM177,000, manakala, kos kerja-kerja penyelenggaraan pula berjumlah RM110,133.

"Amaun 80 peratus ditanggung PDC (Perbandaran Pembangunan Pulau Pinang) merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), manakala, YB Dr. Afif Bahardin (Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya) telah sudi menanggung baki 20 peratus kos.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dr. Afif bagi pihak MC (Perbadanan Pengurusan) atas peruntukan beliau ini," ujarnya pada Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja Pengecatan Semula 3-Point Blok (A1, A2, A3) Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Selain Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar dan Datuk Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Menurut Guan Eng, kerja-kerja mengecat semula tiga flat tersebut dilakukan oleh PDC Nusabina Sdn. Bhd..



**SALAH** satu blok dekat Bandar Seberang Jaya kelihatan indah selepas siap dicat semula menggunakan peruntukan PDC dan ADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Manakala, kerja-kerja pemberian berwajib pula meliputi kerosakan kritis seperti penggantian paip air hujan, pembuangan tumbuhan sedia ada dan kerja lapis air (*waterproofing*).

Salah seorang pemilik unit rumah kos rendah, S. Sarasvathy, 50, yang ditemui menyatakan rasa syukur di atas inisiatif mengecat semula flat kediamannya.

Jelas beliau, ekoran sikap penduduk yang tidak membayar yuran penyelenggaraan bernilai RM20 setiap bulan, menyebabkan MC di sini tidak dapat jalankan lagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan.

Keluhan serupa turut diluahkan Aishah Fazilah Ismail, 37.

Afif ketika dihubungi menjelaskan bahawa semua kerosakan kritis yang baru dibaiki sebenarnya telah dirosakkan dua hari kemudian, akibat aktiviti vandalisme dan kecurian pihak tidak bertanggungjawab.

(sambungan di muka surat 8)

**Kurangkan rasuah,  
bukan subsidi petrol  
& diesel - KM**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membidas tindakan Kerajaan Persekutuan menaikkan harga runcit baharu petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter pada 2 Oktober lalu.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang terkejut dengan kenaikan harga minyak petrol dan diesel sebanyak 20 sen seliter, sedangkan dua buah negara lain iaitu India menurunkan harga minyak sebanyak 65 paise (RM0.03) dan United Kingdom sebanyak 5 pence (RM0.26)."

"Kerajaan Persekutuan seharusnya mengurangkan kadar rasuah atau korupsi di Malaysia dan bukannya mengurangkan subsidi petrol dan diesel secara mendadak," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri.

Tambah Guan Eng, keputusan Kerajaan Persekutuan menaikkan harga petrol dan diesel itu bukan sahaja membebankan rakyat, malah mengakibatkan kos sara hidup rakyat meningkat.

"Kerajaan Persekutuan perlu menjelaskan kepada rakyat rasionalisasi pengurangan subsidi petrol dan diesel," tegasnya.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) pada 1 Oktober lalu mengeluarkan kenyataan mengumumkan subsidi petrol RON95 dan diesel dikurangkan sebanyak 20 sen seliter berkuat kuasa 12.01 pagi, 2 Oktober 2014.

Berikut itu, harga runcit baharu bagi petrol RON95 ialah RM2.30 seliter dan diesel RM2.20 seliter berbanding harga pasaran dunia pada masa ini bagi RON95 ialah RM2.58 seliter dan diesel (RM2.52 seliter).

# Tipu jual beli emas, KM hargai tindakan segera polis

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertindak pantas menyiasat seorang pemimpin belia sebuah parti politik negeri yang dipercaya menipu sekumpulan individu dalam urus niaga penjualan jongkong emas bernilai lebih RM4.9 juta di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau telah dimaklumkan bahawa Ketua Polis Negeri (CPO), Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi bahawa pihak polis sedang menjalankan siasatan dan telahpun memanggil suspek berkenaan dalam membantu siasatan.

"CPO dalam kenyataannya menjelaskan bahawa pihak polis mengambil serius tentang perkara ini dan siasatan telah 70 peratus

lengkap serta akan memastikan tindakan sewajarnya diambil ke atas suspek.

"Ini merupakan perkembangan baik dijalankan pihak polis untuk membantu mangsa-mangsa yang telah ditipu oleh suspek tersebut," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, mangsa-mangsa terdiri daripada 17 individu yang menggelar diri sebagai Kumpulan Wahab tersebut hanya mengharapkan siasatan dapat dilakukan segera dan keadilan akan berpihak kepada mereka.

"Semestinya mereka (mangsa) mengharapkan agar keadilan dapat ditegakkan walaupun kes tersebut rumit kerana melibatkan sejumlah wang yang besar.

"Saya juga ingin berterima kasih sekali lagi kepada CPO dan berharap sekiranya ada lagi mangsa-mangsa lain yang terlibat, tampil membuat laporan atau berjumpa dengan



SEBAHAGIAN ahli Kumpulan Wahab menunjukkan cek dan resit-resit transaksi pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri dan Wong Hon Wai (duduk, kanan sekali) di sini baru-baru ini.

Wong Hon Wai (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri)," kata beliau.

Sebelum itu, sekumpulan 17 individu hadir ke Pejabat Ketua Menteri di Komtar untuk bertemu dan menyuarakan permasalahan mereka.

Salah seorang mangsa, Abdul Wahab S. Mohd. Mydin, 45, yang juga jurucakap Kumpulan Wahab berkata, beliau bersama ahli-ahli kumpulan lain telah ditawarkan harga di atas harga pasaran untuk membeli jongkong emas yang diperoleh melalui salah sebuah syarikat emas dengan perjanjian secara lisan dan bayaran akan dibuat secara ansuran.

Walau bagaimanapun, jelasnya, setelah transaksi sebanyak 16,635 gram dengan nilai RM4,946,960 selesai, bayaran yang diterima hanya RM710,349 sahaja, manakala bayaran melalui cek tendang berjumlah RM1,570,161 dan cek belum tunai, RM2,665,108.



MANGSA-mangsa dipercaya ditipu seorang pemimpin belia sebuah parti politik negeri.

## Tempoh reman PPS dilanjut sebulan

Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Polis Diraja Malaysia (PDRM) melanjutkan tempoh reman untuk 157 ahli Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang ditahan pada 31 Ogos lalu untuk tempoh sebulan lagi sehingga 29 Oktober ini bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

Antara ahli yang dilanjutkan tempoh reman berkenaan adalah Pengurus PPS, Phee Boon Poh yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Menurut Rayer yang juga selaku peguam kes berkaitan, lanjutan jaminan yang berkuatkuasa selama sebulan sehingga 29 Oktober ini adalah atas alasan masih menunggu siasatan daripada pihak polis selesai.

"Tempoh jaminan juga boleh dilanjutkan sehingga tiga bulan," jelasnya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut di sini baru-baru ini.

Turut hadir memberi sokongan moral, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Pada 31 Ogos lepas, polis telah menahan 157 anggota PPS termasuk pengurus pasukan itu yang juga Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh kerana ingkar amaran untuk tidak menjalankan aktiviti selepas PPS didapati tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Tegas Guan Eng, pendirian Kerajaan Negeri tetap tidak berubah dengan mempertahankan ahli-ahli PPS.



PHEE Boon Poh menunjukkan dokumen lanjutan tempoh reman beliau ketika ditemui di IPD Timur Laut di sini baru-baru ini.

"Kita berdiri di belakang mereka (ahli-ahli PPS). Mereka (ahli-ahli PPS) tidak buat salah kenapa harus ditahan?

"Jika hanya serta perbarisan hari kebangsaan adalah satu kesalahan, adakah kita perlu batalkan sambutan tersebut?" soal beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut bertegas dengan menyatakan bahawa PPS bukanlah sebuah pertubuhan haram memandangkan penubuhannya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

"PPS tidak pernah ada masalah dengan polis, bahkan mendapat sokongan dalam peranan menjaga komuniti.

"Kalau kerana seorang dua yang melakukan kesalahan, adakah kita perlu bubar PPS? Pihak berkuasa juga ada yang terlibat jenayah, yang mana salah kita tetap akui mereka bersalah jika terbukti," ujarnya.

## Denggi, tingkatkan langkah pencegahan – Exco Kesihatan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Bilangan kes denggi di Pulau Pinang sejak Januari hingga 27 September lepas mencatatkan peningkatan sebanyak 987 kes atau 161.5 peratus menjadikan jumlah keseluruhan 1,598 kes berbanding tempoh sama tahun lepas yang direkodkan hanya 611 kes.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dalam kenyataannya memberitahu, lima kematian akibat denggi turut direkodkan pada tahun ini, berbanding dua kematian pada tahun lepas.

Justeru, beliau mengingatkan seluruh warga Pulau Pinang agar meningkatkan langkah-langkah pencegahan, termasuk menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk aedes di kawasan kediaman masing-masing.

"Pada ketika ini, terdapat 12 lokality wabak terkawal dilaporkan di Pulau Pinang iaitu lokality Mutiara Idaman, Apartment Sri Wonder, Taman Harmoni, Taman Gottlieb dan Jalan Cantonment di George Town membabitkan Daerah Timur Laut.

"Flat Bukit Gedong dan Persiaran Mahsuri (Daerah Barat Daya), Bagan Lebai Tahir, Taman Aman Ceri dan Kampung Perlis (Daerah Seberang Perai Utara, SPU), Taman Desa Damai (Daerah Seberang Perai Tengah, SPT) dan Kampung Sungai Udang (Daerah Seberang Perai Selatan, SPS)," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Afif memberitahu, dua lokality wabak tak terkawal dilaporkan adalah membabitkan Apartment Kota Emas, George Town di Daerah Timur Laut dan Flat Teluk Bahang (Daerah Barat Daya).

"Satu lokality hotspot pula dilaporkan di Greenlane Heights, George Town membabitkan Daerah Timur Laut," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.



LEMBU ditenangkan sebelum disembelih di Masjid Bagan Lebai Tahir, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara.



AHLI Dewan Undangan Negeri, Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama penduduk yang turut serta menjalankan ibadah korban di Masjid Sembilang Seberang Jaya.


## Suasana Aidiladha 1435H

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD & SHUM JIAN-WEI

**HARI** Raya Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji memberikan makna cukup besar buat umat Islam. Walaupun lazimnya Aidiladha tidak disambut semeriah Aidilfitri, tetapi penghayatan sirahnya cukup ulung.

Keistimewaan Aidiladha adalah ibadah Korban atau Udhiah yang dilaksanakan pada Hari Raya Haji (10 Zulhijjah) dan pada hari-hari Tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) adalah kerana bertaqaarib (mendekatkan diri) kepada Allah.

Ia juga adalah simbol pengorbanan ikhlas bagi mendapatkan keredhaanNya dan mendorong mengeratkan lagi silaturrahim di antara satu sama lain.



SEBANYAK dua ekor lembu dan empat kambing dikorbankan di Masjid Jamek Sungai Pinang.



ANAK-anak qariah melapah dan memotong daging 14 ekor lembu yang dikorbankan di Masjid Wan Chik Ariffin, Jalan Perak untuk diagihkan.



DR. Afif Bahardin (berbaju Melayu hitam) memotong daging untuk diagihkan.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Penaga, Ridwan Osman (kiri) melafaz akad korban sebelum ibadah korban dijalankan di Masjid Permatang Keriang, Penaga.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid (duduk, kanan sekali) memotong daging untuk diagihkan.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad (duduk, kiri) turut bergotong-royong melapah sembelihan.

Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kehormatan Sempena Sambutan Hari Jadi Ke-76 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

# Pesara Pekerja Am MPPP terima PJK

Oleh : WATAWA NATAF

ZULKIFLI

Gambar: LAW SUUN TING

**PADANG KOTA** - Tidak lupa... merupakan perkataan paling sesuai diberikan kepada Kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 11 pesara Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sempena sambutan ulang tahun kelahiran Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT) Ke-76 di sini baru-baru ini.

Mereka adalah, Teh Soon Lee, 67, Ng Eng Guan, 65, Ng Say Tee, 72, Low Chooi Chiew, 71, Law Kim Poh, 71, Sim Swee Cheng, 70, H'ng Lay Ear, 63, Tan Kooi Lai, 69, Tan Ah Pin, 78, dan Low Chooi Liang, 69.

Menurut Chooi Chiew, antara kerja yang mencabar sewaktu bertugas adalah soal kebersihan yang jarang sekali dilakukan semua orang.

"Saya cuci di kawasan pasar dan tandas awam sekitar Jalan Perak ketika mula bertugas, selepas itu, saya pernah juga ikut lori sampah kutip sampah di kawasan-kawasan perumahan."

"Selama 42 tahun sebelum



SEBAHAGIAN pesara yang menerima PJK sempena sambutan ulang tahun kelahiran TYT Ke-76 di sini baru-baru ini.



LOW Chooi Chiew (kiri sekali) ketika ditemuramah pihak media.

bersara pada tahun 2013, pelbagai kerja pembersihan saya lakukan.

"Saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MPPP kerana masih menghargai

jasa saya dan rakan-rakan sungguhpun sudah bersara," jelas ayah kepada tiga orang anak tersebut kepada Buletin Mutiara sejurus selepas menerima penganugerahan PJK di sini baru-baru ini.

Turut hadir mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada kumpulan berkenaan adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Bagi Soon Lee, beliau tidak menyangka akan dikurniakan pingat sungguhpun telah 11 tahun menamatkan perkhidmatan.

"Kerja saya dahulu memang mencabar juga seperti menyapu



KETUA Menteri menyambut ketibaan TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) yang tiba pada hari keempat Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri sempena sambutan ulang tahun ke-76 beliau di sini baru-baru ini.



TIMBALAN Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan (dua dari kiri) menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) pada Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri.

sampah di jalan dan paling lama berkhidmat adalah pembersihan sekitar pasar dan tandas-tandas awam di sekitar Air Itam," jelasnya yang berkhidmat selama 34 tahun dengan MPPP.

Ketika ditanya mengenai aktiviti harian selepas bersara, Soon Lee dengan seloroh menyatakan bahawa beliau kini hanya menghabiskan masa bermain dengan 10 cucunya.

## Skuad 3D terharu & berterima kasih terima PJM

Gambar : ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** - "Sudah tentu saya gembira dengan pengiktirafan Kerajaan Negeri dan MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) seperti ini!" lauh Pekerja Am Skuad 3D (*dirty, dangerous & difficult*) MPPP, Rosdi Othman, 54, yang menerima pengiktirafan darjah kebesaran Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT) Ke-76 di sini baru-baru ini.

Beliau yang telah berkhidmat selama 35 tahun menyatakan bahawa bagi menyempurnakan amanat yang diamanahkan, setiap hari, beliau akan memulakan kerja menyapu seawal 6.30 pagi.

"Selain menyapu, saya juga cuci longkang di lokasi-lokasi sebagaimana diarahkan.

"Pengalaman yang tak boleh

lupa... tak da rasanya... macam biasa juga rutin harian.

"Cuma, saya terharu kerana Kerajaan Negeri hargai orang macam kami walaupun hanya sebagai pekerja am," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada sesi fotografi bersama Ketua Menteri selepas majlis penganugerahan tersebut di sini baru-baru ini.

Sejak mengambil tumpukan pemerintahan, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) buat julung kalinya menganugerahkan PJM kepada para pekerja am pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini sebagai penghargaan di atas jasa serta pengorbanan yang dicurahkan.

Bersempena sambutan ulang tahun kelahiran TYT Ke-76 baru-baru ini, seramai 10 Pekerja Am MPPP menerima penganugerahan berkenaan. Kumpulan tersebut

merupakan skuad ketiga menerima penganugerahan sedemikian.

3D merupakan bidang tugas getir seperti berdepan atau membersihkan benda kotor, kadang-kala memerlukan individu terbabit turun ke dalam longkang atau saluran-saluran kecil dan juga berhadapan dengan objek merbahaya termasuk binatang-binatang berbisa seperti ular.

Seorang lagi penerima, Abdul Rahim Alla Pitchay, 60, yang juga telah berkhidmat selama 35 tahun menyatakan bahawa beliau amat terharu dan berterima kasih.

"Saya bakal pence.

"Anugerah seperti ini amatlah membuatkan saya terharu dan berterima kasih kepada majikan (MPPP) yang menilai orang seperti kami hinggakan layak mendapat pingat (PJM) ini," ujar



ROSDI Othman (kiri sekali) menunjukkan tanda bagus sambil memerhatikan pingat PJM diterima Abdul Rahim Alla Pitchay (empat dari kiri) pada sesi fotografi bersama-sama Ketua Menteri selepas majlis penganugerahan pingat di sini baru-baru ini.

ayah kepada tiga cahaya mata dan menetap di rumah pangsa Sungai Pinang di sini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng tidak menafikan bahawa pengorbanan

golongan tersebut lazimnya membantu Kerajaan Negeri mencapai matlamat dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

# KM tidak setuju kenyataan mantan PM bahawa Melayu malas

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG** – Kenyataan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkan kaum Melayu sebagai malas baru-baru ini pantas disangkal Ketua Menteri di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Guan Eng pada satu sidang media menyebut, adalah tidak adil untuk Mahathir menyalahkan sesesebuah komuniti semata-mata sedangkan Kerajaan Pusat sendiri tidak mengetahui kesalahan polisi yang diterapkan selama ini adalah tidak betul.

“Ini adalah satu tuduhan yang tidak baik dilemparkan kepada kaum Melayu dan saya sangat tidak bersetuju.

“Pandangan saya adalah kerajaan sebenarnya yang perlu mengkaji dasar polisi diperkenalkan dalam memajukan kaum-kaum tertentu,” ujarnya ketika merasmikan penganjuran *Pakelo Lubricants Street Challenge* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan



ANTARA aksi yang dipamerkan.



KETUA Menteri melepaskan peserta *drift* ujian masa bersempena penganjuran *Pakelo Lubricants Street Challenge* di sini baru-baru ini.

Pelancongan, Law Heng Kiang dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh.

Guan Eng memberitahu, contoh berkenaan dapat dilihat pada negara China yang suatu ketika dulu merupakan sebuah negara miskin dan kini menjadi kuasa ekonomi dunia.

“Pada tahun 1960-an, jika kita lihat, China merupakan sebuah negara miskin dan dunia melabelkan mereka (negara China) sebagai malas kerana dasar kerajaannya yang tertutup berbanding sekarang yang mana polisi kerajaan China adalah lebih terbuka dan

liberal sehingga menjadikannya kuasa ekonomi kedua dunia pada ketika ini,” ujar beliau.

Serentak itu, Guan Eng secara sinis turut mempersoalkan adakah kenyataan Mahathir yang secara terang-terangan menghina kaum Melayu tersebut akan diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948.

“Kalau sebelum ini Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer yang melabelkan tiga individu ahli UMNO sebagai celaka dikenakan dakwaan itu

sedangkan beliau (Rayer) tidak pun menghina kaum Melayu diambil tindakan, mungkin Mahathir boleh didakwa kerana menghina seluruh kaum Melayu,” ujarnya.

Program *Pakelo Lubricants Street Challenge* anjuran pengeluar barang penjagaan kereta, *Pakelo Lubricants* julung kali diadakan di Pulau Pinang diadakan selepas 20 tahun.

Pertunjukkan aksi *drift* dalam suasana hujan amat mencabar dan memukau hampir 1,000 pengunjung yang hadir.

## Penduduk pertikai mutu selenggara, ICU perlu beri penjelasan – Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **MARK JAMES**

**TELUK AIR TAWAR** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mengadakan lawatan ke Pangsapuri Indah, Taman Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara (SPU) setelah mendapat rungutan daripada penduduk berhubung tahap mutu dan kerja-kerja penyelenggaraan tidak memuaskan.

“Kerja-kerja menyelenggara Pangsapuri Indah Fasa 1C ini adalah sebahagian daripada program membaik pulih dan menyelanggara perumahan bertingkat di bawah TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia).

“Ia merangkumi kerja-kerja pengecatan, pemberian bumbung, pemberian am, mencuci tangki air, lantai kaki lima, pemberian paip agihan, kerja-kerja mekanikal, elektrikal dan pemasangan lif yang keseluruhannya berjumlah RM1,080,000 di mana Kerajaan Negeri menyumbang 30 peratus (RM324,000) di bawah program HAPPY! (*Housing Assistance Programme of Penang, Yes!*),” ujarnya sejurus mengadakan tinjauan ke kawasan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengurus Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Indah Fasa 1C, Asma Hussain.

Jagdeep ketika ditemui berkata, beliau



ASMA Hussain (kanan) menunjukkan serpihan batu yang didapati tidak diuruskan dengan sempurna mengikut piawaian keselamatan kepada Jagdeep Singh Deo yang mengadakan lawatan ke Pangsapuri Indah, Taman Teluk Air Tawar di sini baru-baru ini.

terkilan apabila menerima aduan secara bertulis daripada JMB Pangsapuri Indah Fasa 1C pada 24 September lalu.

“Antaranya aduan berkaitan adalah tahap mutu dan kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang dilakukan adalah kurang memuaskan, misalnya kerja-kerja membaiki bumbung hanya beberapa jubit bumbung sahaja ditukar dan ada jubit yang rosak tidak ditukar sebaliknya ditampal dengan simen.

“Juga, aduan kerja-kerja pengecatan semula tidak berkualiti dan tiada langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk

menjamin keselamatan penduduk,” tegasnya.

Jelas Jagdeep, Kerajaan Negeri memandang serius aduan yang telah diterima dan mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan penjelasan daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU).

“Wang yang digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan ini sama ada daripada Kerajaan Pusat melalui TP1M ataupun Kerajaan Negeri melalui HAPPY!, adalah wang rakyat dan mestinya digunakan secara



JAGDEEP Singh Deo (tengah) turut meninjau keadaan lif di Pangsapuri Indah Fasa 1C.

telus dan akuntabiliti.

“Kerajaan Negeri dalam pada itu turut menuntut agar kerja-kerja penyelenggaraan di bawah TP1M yang dibayai bersama HAPPY! adalah memenuhi semua spesifikasi teknikal serta berkualiti tinggi.

“Memandangkan pelaksanaan projek-projek penyelenggaraan di bawah TP1M adalah dikendalikan secara keseluruhan oleh Kerajaan Pusat, maka ICU yang mengendalikan tabung ini perlu memberi penjelasan segera dan memuaskan,” tegas Jagdeep lagi.

# SN Ahmad Nawab seri majlis Hari Jadi Ke-76 TYT

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**BATU UBAN** – Seniman Negara, Datuk Dr. Ahmad Nawab diberi kepercayaan memimpin acara pentas sempena Majlis Jamuan Malam Hari Jadi Ke-76 Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Tiupan saksofon artis veteran tersebut cukup memukau tetamu yang hadir, mengingatkan lakonan Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee bermain alat muzik serupa dalam filem ‘Ibu Mertuaku’.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng, Datuk Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Datuk Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) antara kenamaan utama yang hadir pada majlis tersebut.



ACARA memotong kek oleh TYT dan isteri merupakan acara kemuncak Majlis Jamuan Teh Sempena Hari Jadi Yang Ke-76 Peringkat Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya.

Lebih 200 kenamaan, pegawai tinggi kerajaan, duta, ahli perniagaan serta pemimpin masyarakat menyertai majlis keraian kali ini.

Guan Eng dalam ucapannya mendoakan agar Abdul Rahman dan isteri senantiasa diberikan nikmat kesihatan demi memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri dan rakyat terus hidup makmur.



DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sebelah) berjabat tangan dengan Dr. Ahmad Nawab (kiri sebelah) pada Majlis Jamuan Malam Hari Jadi Ke-76 TYT di sini baru-baru ini.

Shariff merupakan acara kemuncak majlis sambutan berkenaan.

Kerian itu turut diserikan dengan pelbagai tarian kebudayaan serta nyanyian lagu klasik oleh anak seni tempatan.

# Taman Jepun simbol persahabatan negeri & Itabashi

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar: ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** – Taman Jepun yang terletak di Taman Botani hasil ilham bersama Taman Botani Pulau Pinang dan Taman Botani Itabashi, Tokyo, Jepun adalah simbolik kepada persahabatan dua pihak terbabit yang telah terjalin hampir 20 tahun sebelum ini.

Kerjasama yang terjalin sejak 1994 bermula apabila Taman Botani Pulau Pinang diberi kepercayaan untuk membantu dan membangunkan Projek Rumah Hijau Itabashi di Tokyo, Jepun dengan sumbangan kepelbagaiannya spesis tumbuhan tropika setelah selesa itu (1995).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyambut delegasi Bandar Itabashi di Taman Botani baru-baru ini berkata, hasil daripada kerjasama tersebut, Majlis Bandaran Itabashi melalui Persatuan Daerah Komersial Itabashi telah membantu mengumpul dana bagi membina Taman Jepun sedia ada di Taman Botani Pulau Pinang masa kini.

“Hasil daripada pengumpulan dana ini dengan warganegara Itabashi, Taman Jepun telah dibangunkan di sini (Taman Botani) dengan rasminya pada 23 Julai 2008.

“Ini adalah simbol persahabatan antara dua bandar.

“Rekabentuk dan persekitaran yang dihiasi dengan buluh dan tumbuhan tropika telah dimodelkan melalui Taman Itabashi.



KETUA Menteri sambil ditemani Patahiyah Ismail (bertudung) bersama-sama Takeshi Sakamoto (kiri sebelah) membuat lawatan ke salah sebuah taman bersempena Ulangtahun Ke-20 Kerjasama Antara Taman Botani Pulau Pinang dan Taman Botani Itabashi di sini baru-baru ini.

“Ini telah mewujudkan perasaan seperti berada di negara sendiri terutamanya buat pengunjung Jepun ataupun rakyat Jepun yang menetap di Pulau Pinang,” ucapnya pada Sambutan Ulangtahun Ke-20 Kerjasama Antara Taman Botani Pulau Pinang dan Taman Botani Itabashi di sini baru-baru ini.

Hadir mengetuai delegasi, Datuk Bandar Itabashi, Takeshi Sakamoto.

Turut hadir meraikan delegasi, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Patahiyah Ismail, Pengarah Taman Botani, Mohd. Azwa Shah Ahmad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Dalam pada itu, menurut Guan Eng, usaha membangunkan Taman Botani tersebut akan mendekatkan masyarakat dengan alam sekitar.

“Saya percaya bahawa Pulau Pinang dan Itabashi akan memperkuuh dan meningkatkan lagi nama baik sedia ada dan berjaya pada masa depan,” ujar beliau.

## Kembalikan DIBS & lanjutkan SJKP bantu pembeli rumah mampu milik kali pertama - KM

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI  
Gambar: ALISSALA THIAN

**BAYAN BARU** – Kerajaan Negeri sekali lagi menggesa Bank Negara supaya mengembalikan Skim Pemaju Berfaedah (DIBS) dan melanjutkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) untuk pembeli rumah mampu milik kali pertama berharga RM72,500 hingga RM400,000 di negara ini.

Perkara tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan pameran harta tanah bagi Pulau Pinang, MAPEX City 2014 anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) bersama syarikat pemaju Henry Butcher Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

“Sejak DIBS dimansuhkan, ramai pembeli kali pertama rumah mampu milik tidak boleh mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah mereka sendiri.

“Sehingga 70 peratus pembeli daripada permohonan pinjaman perumahan, termasuk kos rendah dan kos sederhana rendah (KR/KSR) ditolak bank-bank swasta.

“Justeru, Bank Negara perlu menghidupkan semula DIBS untuk pembeli kali pertama bagi membolehkan mereka (pembeli rumah mampu milik kali pertama) merealisasikan impian masing-masing untuk memiliki rumah sendiri.

“Malah, yuran guaman juga harus menjadi sebahagian daripada paket DIBS dan duti setem perlu diketepikan bagi mengurangkan kos kemasukan awal untuk pembeli rumah kali pertama,” seru beliau.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan



SEORANG pengunjung sedang diberi penjelasan oleh wakil salah sebuah syarikat harta tanah yang mengambil bahagian dalam penganjuran MAPEX City 2014 di sini baru-baru ini.

Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dan Penggerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan.

Bersempena penganjuran tersebut, pihak penganggar turut menyampaikan sumbangan tunai berjumlah RM10,000 masing-masing kepada beberapa pertubuhan kebajikan. Malah, turut disumbangkan adalah bantuan barang keperluan berupa kerusi roda, katil, mengecat bangunan dan lain-lain.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memaklumkan bahawa Pulau Pinang kini dilihat sebagai sebuah destinasi pelaburan harta tanah yang baik dengan kemasukan pelabur-pelabur terkemuka seperti IKEA dengan nilai pelaburan sebanyak RM8 bilion dan Temasek Holdings dari Singapura, RM11.3 bilion bagi membangunkan taman perindustrian teknologi tinggi.

Selain itu, Pulau Pinang juga diiktiraf beberapa badan antarabangsa seperti bandar warisan, makanan yang lazat serta tempat yang selesa untuk didiami lantas membantu melonjakkan industri harta tanah di negeri ini.

# Phuket kini 'Bandar Sahabat' George Town

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PHUKET, THAILAND** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengetuai delegasi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ke Phuket, Thailand demi menandatangani perjanjian persefahaman 'Bandar Persahabatan' demi manfaat masa depan kedua-dua belah pihak.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri berminat untuk menimba pengalaman daripada industri pelancongan di Phuket dan bersedia untuk berkongsi pengetahuan teknologi yang wujud di negeri ini.

Tambah beliau, kerjasama erat kedua-dua belah pihak dalam sektor perdagangan, pelaburan, pelancongan, ekonomi dan pembangunan sangat diperlukan demi mendepani iklim perdagangan bebas membabitkan negara-negara ASEAN tidak lama lagi.

"Pembukaan perdagangan bebas ASEAN menjelang 2016 menandakan satu lembaran

baru perdagangan, pelaburan, pelancongan, ekonomi dan pembangunan kerjasama bagi 600 juta orang yang tinggal di ASEAN.

"Status 'Bandar Persahabatan' antara Pulau Pinang (George Town) dan Phuket menandakan satu lembaran baru hubungan produktif saling menguntungkan bertukar-tukar kepakaran Phuket dalam pelancongan dengan pengetahuan teknologi Pulau Pinang.

"Walaupun ia mengambil masa lebih 10 tahun untuk memperbaharui persahabatan kita, itu adalah lebih baik daripada tidak pernah langsung," ujarnya di sini baru-baru ini sambil menjelaskan bahawa kedua-dua belah pihak mempunyai persaudaraan dari segi sejarah lebih 100 tahun dulu.

Sebelum itu, Guan Eng menyaksikan pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) 'Bandar Persahabatan' antara Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail dengan Datuk Bandar Phuket, Somjai Suwansupana.

Dua MoU lain turut ditandatangani, iaitu antara *Marrybrown* dan sebuah syarikat



**PATAHIYAH Ismail (bertudung)** dan **Somjai Suwansupana** (depan, kanan sekali) masing-masing menunjukkan dokumen MoU selepas selesainya majlis menandatangani perjanjian.

perniagaan Thailand, serta pembelian sebuah hotel di sini yang membabitkan ahli perniagaan terkenal Pulau Pinang, Datuk Syed Mohd. Aidid Syed Murtaza.

Majlis bersejarah tersebut turut disaksikan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Maitri Inthusi (Gabenor Puket), Krit Kraichitti (Duta Thailand Ke Malaysia) dan Srirat Vathesatogkit (Konsul Besar Thailand ke Pulau Pinang).

Guan Eng memberitahu, rekod Phuket mempunyai 70,000 bilik hotel serta menerima kira-kira 12 juta pelancong tiap-tiap tahun

banyak memberi inspirasi kepada Kerajaan Negeri untuk mengembangkan potensi industri pelancongan warisan di Pulau Pinang.

"Masuk Pulau Pinang, ada kelompok kreatif dengan 3S, iaitu Bakat, Toleransi dan Teknologi untuk dikongsi kepakaran dengan Puket," ujar beliau.

Setakat ini, Medan dekat Indonesia, Adelaide (Australia), Taipei (Taiwan), Xiamen (China) dan Kanagawa (Jepun) merupakan antara bandar yang telah menjadi 'Bandar Berkembar' atau 'Bandar Persahabatan' dengan George Town dekat Pulau Pinang.

## Bencana alam punca utama banjir kilat 3 Okt. - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AHMAD ADIL MOHAMAD**

Gambar: **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menjelaskan cuaca tidak menentu, fenomena air laut pasang serta hujan lebat yang luar biasa merupakan antara punca utama bencana banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini pada malam 3 Oktober lepas.

Penjelasan itu sekaligus membidas tuduhan Pengurus Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow kononnya banjir kilat baru-baru ini disebabkan oleh pembangunan berlebihan di negeri ini semata-mata.

"Mengikut ramalan kaji cuaca, kita (Pulau Pinang) hanya akan menerima hujan sebanyak 100 milimeter (mm) hingga 250 mm pada bulan Oktober, sebaliknya, pada malam berkenaan (3 Oktober) dalam tempoh dua jam (8 malam hingga 10 malam), menunjukkan bacaan penerimaan hujan mencapai 137 mm.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) dapat sistem perparitan yang ada di sekitar kawasan terlibat tidak mampu menampung lebihan air yang sebegini banyak, kerana ianya direka pada asalnya hanya untuk menampung aliran hujan yang biasa pada satu-satu masa.

"Jika dikatakan soal pembangunan, selama 50 tahun lebih di era BN, anda boleh nilai sendiri, saya tidak ingin mengulas lanjut berkenaan hal

itu," ujarnya pada sidang media bagi mengulas dakwaan berkenaan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Kon Yeow bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng turut turun meninjau fenomena air laut pasang, hingga melimpah ke dataran jalan kaki Padang Kota Lama di sini.

Tambah Kon Yeow, sistem perparitan di sekitar George Town sebenarnya boleh menampung kira-kira lima kadar purata berulang (ARI) bagi satu-satu peristiwa banjir, namun, bencana pada 3 Oktober lepas dikatakan melebihi 40 ARI.

"Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai pelan jangka panjang untuk mengatasi banjir di negeri ini, dengan anggaran kos sebanyak RM600 hingga RM800 juta.

"RM6,913,896.60 ini adalah peruntukan yang diambil oleh wang caruman perparitan.

"Namun, sumber kewangan dilihat sebagai masalah utama bagi menangani permasalahan ini di kesemua lima daerah seluruh Pulau Pinang.

"Kita mungkin boleh menggunakan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) seperti konsep tebus guna tanah dan sebagainya, namun, segala tindakan perlulah diperhalusi serta memohon dana dari Kerajaan Persekutuan juga," ujar beliau.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui caruman MPPP meluluskan RM 2.7 juta.

Manakala, Bajet Kerajaan Pulau Pinang 2014 menyatakan sebanyak RM9.1 juta diperuntukan untuk projek tebatan banjir pada tahun depan (2015), termasuk RM3.4 juta adalah di kawasan Bukit Mertajam.



**OMBAK besar memukul persisir pantai Padang Kota Lama ketika kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menjalankan kerja-kerja pembersihan di sini baru-baru ini.**



# PP - Thailand kukuh kerjasama, terokai peluang baru

Gambar: ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** - Hubungan dua hala antara Pulau Pinang dan Thailand terus diperkuatkan dengan penganjuran Seminar Perniagaan dan Padanan Perniagaan bersama Delegasi Thailand di sini baru-baru ini.

Seminar bertujuan menyediakan landasan kepada ahli perniagaan dari kedua-dua buah negara itu turut memberi ruang kepada lebih 50 delegasi dari Thailand untuk membina jaringan perniagaan (*business networking*) serta menjalinkan kerjasama serantau antara dua buah entiti.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang mengetuai delegasi Pulau Pinang berkata, penganjuran julung kali diadakan tahun ini bukan hanya mencari peluang pelaburan, tetapi juga mempromosikan industri halal di rantau ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) menjemput delegasi dari Thailand ke Pulau Pinang setelah mereka

melihat sendiri kesungguhan kita 'menawan' pasaran halal global.

"Selain itu, pastinya sesi pemadaman perniagaan dan taklimat yang diadakan menjadi platform terbaik untuk semua usahawan mempromosikan perkhidmatan serta perniagaan masing-masing membina rangkaian, memahami peluang perniagaan dan mewujudkan komuniti usahawan bagi kedua-dua buah negara," katanya ketika hadir merasmikan seminar tersebut baru-baru ini.

Turut sama, Konsul Besar Thailand, H.E. Srirat Vathesatogkit, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rahim Ishak, Pengurus Besar *investPenang*, Loo Lee Lian, Penggerusi IMT-GT (*Joint Business Council*), Datuk Faudzi Naim Noh, Pengurus Besar Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Pengurus Besar Penang International Halal Hub, Mohd. Firhan Mohd. Ghousie.

Tambah Mohd. Rashid,



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) meneliti produk keluaran salah sebuah syarikat yang menyertai delegasi Thailand ke Pulau Pinang baru-baru ini.

perniagaan yang cemerlang dengan kerajaan (G2G), tetapi dan kukuh bukan sahaja juga mementingkan hubungan mementingkan hubungan kerajaan

(B2B) dan kerajaan dengan perniagaan (G2B).

Dalam pada itu, Ketua Delegasi Thailand, Akarapong Dipavajra memuji komitmen dan sikap proaktif Kerajaan Negeri dalam mengembangkan perniagaan serta mencari peluang pelaburan baru di rantau ini.

Beliau turut mengharapkan penyertaan minat dalam sesi padanan perniagaan bersama lebih 100 ahli perniagaan dari Pulau Pinang dapat dikembangkan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga sehingga ke Thailand.

## Pengiktirafan MIP bukti Maimunah cemerlang

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

**GEORGE TOWN** – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif yang menerima anugerah *Planner of The Year* daripada Malaysian Institute of Planners (MIP) baru-baru ini menyatakan bahawa pengiktirafan tersebut adalah berdasarkan pencapaian cemerlangnya dalam sektor perancangan bandar sebelum ini.

Katanya, pencapaian tersebut adalah ekoran beberapa kejayaan sepanjang menjalankan proses merancang bandar bagi wilayah Seberang Perai.

"Antara kriteria dinilai MIP adalah mengiktiraf perancangan bandar yang menunjukkan kepimpinan berwawasan dan mampan, kepimpinan jelas, fokus, kualiti tinggi inovasi dan cemerlang, perancangan bandar global, menyahut cabaran dan kehendak persekitaran global serta punya kemahiran serta teknik keputusan cemerlang dalam perancangan," ujarnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Turut sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Majlis penganugerahan tersebut berlangsung di Kuala Lumpur pada 12 September lalu dan disempurnakan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Maimunah, pengiktirafan tersebut bukanlah satu proses yang diminta-minta, tetapi MIP yang menilai sendiri.

"Penilaian ini bukan perlu mengisi borang permohonan atau apa-apa, tetapi ia adalah penilaian sendiri MIP melalui panel-panel yang bertauliah dan berkepakaran," jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa pemilihan Maimunah sebagai pemimpin MPSP menunjukkan ianya bukan satu lantikan yang salah kerana beliau mampu memacu MPSP ke satu tahap terbaik.

"Sebab itu juga, kita (Kerajaan Negeri) yakin untuk memberikan kepada Maimunah tiga kenaikan pangkat sekali gus sebelum ini ekoran kebolehan beliau dalam menjadikan MPSP sebuah badan pihak berkuasa tempatan yang cemerlang dan merealisasikan hasrat-hasrat Kerajaan Negeri," ujar Guan Eng.

(sambungan dari muka surat 1)

## Kerosakan akibat vandalisme akan dibaiki segera - Afif

Jelas beliau lagi, MC tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembersihan kerana rata-rata penduduk di situ gagal membayar yuran penyelenggaraan mengikut jadual.

"Kita akan baiki balik secepat mungkin semua kerosakan kritis dan mencari jalan agar MC boleh melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seperti biasa selepas proses bayaran yuran dibuat oleh penduduk," ujarnya baru-baru ini.

Pada Jun tahun lepas, Jagdeep



AISHAH Fazilah Ismail.



S. SARASVATHY (kiri) dan adiknya S. Nagajothy.

serta Afif sendiri turun meninjau ketiga-tiga rumah pangsa kos rendah di sini.

Hasil lawatan itu, Jagdeep mengarahkan supaya semua kerosakan kritis segera dipulihara, selain, syor mengecat semula bangunan tersebut.

Mohd. Radzi Awang, wakil Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah berbangkit, iaitu kesemua flat di sini sejak 28 tahun lepas masih belum mendapatkan sijil layak menduduki (OC).

Menurut Jagdeep, perkara berbangkit tersebut perlu segera diselesaikan untuk mendapatkan peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Pun begitu, kerja-kerja penyelenggaraan serta mengecat semula ketiga-tiga flat tersebut kini ditanggung secara bersama oleh PDC dan Afif.

Tiga blok lima tingkat yang keseluruhannya terdiri oleh 180 unit rumah dibina pada tahun 1981.

Kali terakhir kerja-kerja mengecat semula tiga blok berkenaan dilakukan pada tahun 1992.

# Polisi pinjaman perumahan baharu lebih sesuai - Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri mengalaukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah idaman masing-masing di sini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, selain memastikan bekalan unit rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan mampu milik mencukupi, aspek pinjaman perumahan turut menjadi faktor pemilikan rumah kini.

Menurut Jagdeep, beliau mencadangkan agar satu polisi pinjaman baharu diwujudkan bagi memudahkan golongan terbabit mendapat kelulusan pinjaman perumahan di Malaysia.

"Kita (Kerajaan Negeri) rasa adalah lebih sesuai jika kita mewujudkan sebuah polisi pinjaman perumahan baharu berbanding cadangan menuju Bank Perumahan baharu bagi menyediakan perkhidmatan pinjaman itu," katanya ketika mengulas kenyataan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk

Abdul Rahman Dahlan yang bercadang mewujudkan Bank Perumahan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah.

Jagdeep berkata demikian pada sidang media di sini baru-baru ini.

Difahamkan, dalam kenyataan Abdul Rahman, beliau menyatakan bahawa kementerian turut akan mengkaji cadangan untuk membenarkan syarikat peminjam wang berlesen seperti syarikat insurans dan koperasi yang berada di bawah kementeriannya untuk memberikan pinjaman perumahan kepada golongan terbabit.

Walau bagaimanapun, Jagdeep memberitahu bahawa beliau bimbang sekiranya cadangan tersebut (menubuhkan Bank Perumahan) akan bertentangan dengan Akta Institusi Kewangan, 1989 (BAFIA) dan mengambil masa yang amat panjang.

Tambahan pula, ulasnya, buat masa ini, kebanyakannya bank komersil menolak antara 50 hingga 70 peratus permohonan pinjaman perumahan.

"Kita boleh membina banyak unit rumah, namun ia tidak bermakna jika golongan yang memerlukannya tidak boleh mendapat pinjaman dari bank."

## KN usaha wujud kesamarataan tanpa prejudis OKU

**GEORGE TOWN** - Kebajikan dan hak orang kurang upaya (OKU) tidak pernah diabaikan, sebaliknya Kerajaan Negeri giat menumpukan pelbagai program kebajikan serta aktiviti kesihatan melibatkan golongan terbabit.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keperluan dan kebajikan OKU di negeri ini supaya golongan terbabit mendapat pembelaan sewajarnya.

Menurutnya, pelbagai inisiatif dilakukan untuk membantu golongan OKU antaranya insentif tertentu melalui Program Penghargaan OKU dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang mesra OKU.

"Pandangan masyarakat terhadap golongan OKU perlu diubah, oleh demikian, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang dan ruang serta berusaha mewujudkan kesamarataan tanpa prejudis terhadap golongan terbabit.

"Saya percaya dengan adanya sambutan dan aktiviti sebegini akan memberi peluang kepada masyarakat umum untuk lebih mengenali golongan OKU dan menjalinkan hubungan rapat bersama-sama mereka," katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Orang Pekak Antarabangsa (HOPA) Peringkat Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Mohamad Sazali Shaari, Presiden Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA), Chung Kim Cheong, Prof. Dr. Tiun Ling Ta (Presiden Persatuan Sukan dan Rekreasi OKU Pulau Pinang) dan Datuk Saleena Yahaya-Isa (pendidik).



PHEE Boon Poh (berdiri, dua dari kanan) berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat sambil diperhatikan Chung Kim Cheong pada Majlis Sambutan HOPA Peringkat Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohamad Sazali ketika ditemui berkata, pihaknya merancang untuk memperluaskan perkhidmatan jururahasia isyarat di negara ini.

"Bahasa isyarat perlu diperluaskan bagi memudahkan komunikasi sama ada sesama sendiri ataupun dengan orang sekeliling kerana warga pekak suka bersempang dan bertukar-tukar fikiran.

"Malah, menerusi Akta OKU 2008, Bahasa Isyarat Malaysia telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di negara ini," ujarnya yang turut berterima kasih atas sokongan dan keprihatinan Kerajaan Negeri.

Sambutan HOPA disambut pada minggu terakhir bulan September setiap tahun bersempena peristiwa bersejarah yang diperingati iaitu Kongres Orang Pekak Sedunia (WFD) yang pertama kali diadakan pada tahun 1951.

Bertemakan 'Memperkasa Pelbagai Sumber Insani', sambutan tahun ini turut dimeriahkan dengan ceramah kesedaran, kempen Bahasa Inggeris dan pameran bahasa isyarat yang digunakan di Malaysia.



JAGDEEP Singh Deo (kanan) dan Jerry Chan pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) mencadangkan agar sistem perbankan sedia ada digunakan iaitu dengan meminta Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia berunding dengan semua bank komersil untuk mewujudkan satu polisi pinjaman perumahan

dengan kadar faedah yang rendah bagi pemohon," ujar beliau.

Cadangan Kerajaan Negeri itu turut dipersetujui Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan yang turut hadir pada majlis berkenaan.

## PWM kutip dana bantu beli van tambahan OKU

Oleh: **CHEAH JAY LOON**  
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN** - Pertubuhan Wanita Mutiara (PWM) berhasrat membantu sebuah pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan, Eden Handicap Service Centre Berhad (Eden Handicap) membeli sebuah van dilengkapi dengan tanjakan bagi memudahkan pergerakan orang kurang upaya (OKU) di pusat tersebut.

Presidennya, Betty Chew Gek Cheng berkata, kemudahan van dilengkapi tanjakan itu bukan sahaja dapat membantu pusat berkenaan menyediakan pengangkutan percuma kepada OKU, tetapi juga kepada mereka yang terpaksa berkerusi roda.

"Kami (PWM) memahami keperluan bagi Eden Handicap menyediakan perkhidmatan pengangkutan percuma kepada golongan OKU khususnya, tambahan pula, permintaan terhadap perkhidmatan ini amat menggalakkan dan pusat ini hanya mempunyai dua buah van sahaja kini.

"Jadi, kami (PWM) mengambil keputusan untuk mengumpul dana sebanyak RM150,000 bagi membantu Eden Handicap memiliki van tambahan yang tidak hanya digunakan pusat ini sahaja, tetapi juga membantu golongan OKU lain yang memerlukan bantuan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain," katanya ketika mengadakan lawatan ke Eden Handicap



BEBERAPA penghuni Eden Handicap menunjukkan kraftangan yang dihasilkan bersempena lawatan khas PWM di sini baru-baru ini.

di Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.

Hadir sama, isteri kepada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Tan Lean Kee serta beberapa ahli PWM lain.

Gek Cheng kemudiannya meluangkan masa makan tengahari dan berinteraksi bersama-sama pelatih serta kanak-kanak di pusat berkenaan.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Eden Handicap, Bertie Tye turut memberi taklimat ringkas berkaitan pusat tersebut serta perkhidmatan pengangkutan percuma yang ditawarkan kepada masyarakat tempatan khususnya golongan OKU.

Eden Handicap memerlukan dana sebanyak RM1 juta bagi menambah lima van lagi untuk kegunaan pusat terbabit dan juga menawarkan perkhidmatan pengangkutan khas kepada OKU di seluruh Pulau Pinang.

PWM adalah sebuah organisasi untuk isteri-isteri wakil rakyat serta wakil-wakil rakyat wanita di Pulau Pinang.

# MPSP terbit peta pelancongan warisan Seberang Perai

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**SEBERANG JAYA** - Sebanyak 35,000 makalah *Seberang Perai Heritage Map* akan diedar sehingga hujung tahun ini demi mempromosi 30 lokasi pelancongan warisan menarik di ketiga-tiga daerah di sini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif berkata, inisiatif terbaru tersebut dilakukan selepas pihaknya berjaya menghasilkan *Seberang Perai Tourist Map* pada tahun lepas.

"Menariknya, penghasilan peta pelancongan warisan kali ini pun dibuat secara *in-house* melibatkan pegawai MPSP dan dibantu oleh ahli majlis," ujarnya kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

*Seberang Perai Heritage Map* edisi kedia

sebelum ini telah dilancarkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Makalah pelancongan terbaru berkenaan memuatkan 20 lokasi tarikan pelancongan warisan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah, SPT (lapan lokasi) dan Seberang Perai Selatan, SPS (dua lokasi).

"Dalam peta ini, ada info mengenai warisan ketara, iaitu bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah, tapak warisan serta monumen warisan,

"Satu lagi adalah warisan tidak ketara (iaitu) cara hidup masyarakat setempat, seperti Tukang Besi Permata Benuan, Capal Jago Kepala batas dan Pasar Bisik Pantai Kuala Muda," jelas Maimunah lagi.



KETUA Menteri ditemani Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) menunjukkan makalah *Seberang Perai Heritage Map* edisi kedua yang dilancarkan di sini baru-baru ini.

Beliau yakin, kunjungan pelancong ke George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO yang dianggap kian meningkat

sedikit banyaknya boleh didorong melawat lokasi-lokasi pelancongan warisan menarik di Seberang Perai kelak.

## ADUN Paya Terubung gesa segera tangani bencana banjir lumpur

**PAYA TERUBUNG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubung, Yeoh Soon Hin berkata, banjir lumpur yang melanda Taman Terubung Jaya baru-baru ini sebenarnya adalah bencana alam, bukannya berpunca dengan faktor tiada sistem perparitan baik di kawasan projek perumahan lereng bukit terbengkalai, *Majestic Height* seperti digambarkan oleh pihak tertentu di sini.

Justeru, beliau semasa melawat kawasan kejadian meminta suatu jawatankuasa penyelesaian membabitkan semua pihak berwajib ditubuhkan, selain, menggesa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) segera melakukan kerja-kerja pembersihan di sini.

"Ini adalah bencana alam, bukan berpunca oleh projek terbengkalai di *Majestic Height* atau disebabkan cadangan Kerajaan Negeri untuk membina jalan berkembar Jalan Paya Terubung (dari Lebuhraya Thean Teik dekat Bandar Baru Air Itam) ke Lebuh Bukit Jambul (dekat Relau).

"Saya telah meminta MPPP menjalankan kerja-kerja pembersihan dan memikirkan cadangan supaya banjir lumpur seumpama ini tidak berulang lagi," ujarnya yang mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Menurut Soon Hin, wakil PLB Land Sdn. Bhd. turut hadir, sambil menyatakan komitmen untuk bersama-sama membantu Kerajaan Negeri mendepani masalah bencana alam di sini.

Difahamkan, PLB Land merupakan kontraktor dipilih Kerajaan Negeri untuk menyiapkan projek



SELUT akibat kejadian banjir lumpur yang berlaku di Taman Terubung Jaya di sini baru-baru ini.



yang bernilai RM300 juta demi menangani masalah kesesakan trafik di sini.

Dalam perkembangan berkaitan, Penolong Pegawai Kesihatan Awam MPPP, Ismail Osman dilaporkan berkata, tanah runtuh kali ini merupakan bencana alam kali ketiga sejak tahun lepas.

"Kemungkinan ia berlaku lagi adalah tinggi," respons beliau, dipetik dari satu akhbar arus perdana.

Seorang penduduk, Datuk T. Sabapathee, dalam lingkungan 70-an, dilaporkan berkata, tanah runtuh itu berlaku pada kira-kira 4 petang hari kejadian, selepas hujan berpanjangan menimpa cerun bukit Bukit Kukus di belakang tiga blok pangaspuri di sini.

"Nasib baik, tidak ada orang yang cedera dalam kejadian itu," katanya kepada sumber sama di tempat kejadian.

perumahan *Majestic Height*, yang terbengkalai sejak era pentadbiran Barisan Nasional (BN) dulu.

PLB juga merupakan pemaju bertanggungjawab membina jalan raya berkembar

## Turap semula jalan Kg. Lembah Ria beri keselesaan



WONG Hon Wai (kanan sekali) menunjukkan sebuah madrasah yang terletak di jalan Kampung Lembah Ria yang telah siap diturap semula di sini baru-baru ini.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : LAW SUUN TING

**AIR ITAM** - Para penunggang motosikal kini tidak perlu bimbang lagi apabila melalui jalan Kampung Lembah Ria di sini setelah ia diturap semula demi keselesaan dan keselamatan pengguna-pengguna di kawasan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, kerja-kerja menurap semula jalan tersebut sejauh empat kilometer yang menelan belanja RM80,000 adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri dalam memberi keselesaan kepada pengguna jalan kampung.

"Kini, bukan sahaja penunggang motosikal tidak lagi perlu elak lopak atau lubang sepanjang jalan tersebut, tetapi pemandu kereta juga boleh menikmati perjalanan yang lancar dan selesa."

"Jika kita lihat keadaan jalan di sini kini jauh lebih baik, luas, selesa dan selamat untuk pengguna serta memberi



KONDISI jalan yang lebih selesa dan luas di Kampung Lembah Ria kini.

manfaat kepada lebih 90 buah keluarga yang tinggal di sepanjang laluan yang diturap semula di sini," katanya ketika meninjau kawasan Jalan Kampung Lembah Ria di sini baru-baru ini.

Tambah Hon Wai, projek penurapan semula di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) tersebut cuma mengambil masa seminggu untuk siap dan ia menjadikan sejumlah 15 batang jalan telah diturap semula di bawah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam dengan kos keseluruhan berjumlah RM508,000.

# Sekularisme dan Islam yang lebih jujur

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**  
Pengarah Eksekutif Penang  
Institute merangkap  
Ahli Parlimen Bukit Bendera

**SEKULARISME** dan liberalisme bukanlah istilah asing di negara ini, namun pemahaman rakyat Malaysia terhadapnya masih kurang jelas.

Pada zaman pasca-Merdeka, pemimpin-pimpin pengasas negara kita kerap mengisyiharkan prinsip-prinsip tersebut sebagai batuan dasar falsafah kenegaraan mereka. Ini terbukti apabila perkataan "liberal" jelas terpapar dalam mukadimah Rukunegara. Dalam erti kata lain, istilah sekular dan liberal membawa maksud berperlembagaan dan terangkum.

Namun begitu, banyak yang sudah berubah. Pada hari ini, istilah yang sama mengundang konotasi negatif sehingga mereka yang dilabelkan sedemikian dianggap sebagai pengkhianat atau derhaka. Dalam erti kata lain, istilah sekular dan liberal kini membawa maksud tidak bertuhan dan sesat.

## Dikotomi

Ada pula mereka yang mendefinisikan istilah ini sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Islam, misalnya dalam kenyataan yang dibuat oleh Dato' Seri Abdul Hadi Awang di Muktamar Pas ke-60 di Batu Pahat, Johor, beberapa minggu lalu. Dalam ucapan penggulungannya, presiden parti Melayu kedua terbesar selepas Umno telah membezakan ideologi partinya berbanding rakan-rakan Pakatan Rakyat dengan menyatakan bahawa perjuangan PAS yang berteraskan Islam tidak akan pernah sama dengan PKR yang berdasarkan "sekular pragmatik" dan DAP yang berideologikan "sekular sosialis."

Dengan sedar mahupun tidak, kenyataan Hadi Awang telah membayangkan garis dikotomi antara Islam dan sekularisme, seolah-olah kedua-dua entiti ini bukan sahaja berbeza malah bertentangan. Justeru, Islam dan sekularisme adalah asing dan tidak mungkin digandingkan.

Walaupun saya pasti tiga Perdana Menteri pertama Malaysia tidak akan bersetuju dengan Hadi Awang (malah, Perdana Menteri pertama dan ketiga pernah membuat kenyataan sedemikian), realiti di negara kita menunjukkan bahawa pendirian presiden Pas sudah menjadi kelumrahan dalam kalangan

*Serambi*  
**PENANG**  
INSTITUTE  
making ideas work

masyarakat Melayu-Islam.

Hakikat ini dicerminkan dalam kain rentang yang terpapar di luar universiti, pusat komuniti atau masjid yang sering membawa tajuk-tajuk seperti "bahaya sekularisme," "sekularisme: ancaman utama kepada umat" ataupun "Islam vs sekularisme."

Pada masa yang sama, persepsi ini turut disebarluaskan oleh media kawalan kerajaan. Seringkali mereka yang berpendirian sekular atau liberal akan dilabel sebagai ejen Yahudi atau Amerika. Secara kebetulan, ejen-jen ini juga hampir selalunya ahli politik pembangkang atau penyokong pembangkang. Dengan kata lain, perbincangan yang rasional tidak dapat berlaku apabila istilah-istilah ini dibangkitkan.

Ambil sebagai contoh kes yang membabitkan rakan Parlimen saya, Nurul Izzah Anwar, semasa beliau berhujah atas isu kebebasan beragama. Secara khusus, beliau menyatakan bahawa hak kebebasan itu haruslah konsisten bagi Muslim dan juga bukan Muslim. Dalam pemikirannya, beliau hanya mengulangi perintah Al-Quran yang melarang pemakaian dalam hal agama. Namun, dengan tidak semena-menanya, beliau telah dikecam seolah-olah menyokong hak Muslim untuk murtad.

Sudah tentu kita boleh menjangka reaksi melampaui daripada golongan konservatif, namun isu murtad ini telah dihebohkan dengan begitu lantang sehingga Nurul Izzah terpaksa memberi penjelasan untuk mempertahankan diri. Daripada episod ini, jelas bahawa walaupun *Utusan Malaysia* tidak mencerminkan sentimen semua orang Melayu-Islam, masyarakat ini masih lagi dibelenggu ketakutan dan perasaan tidak yakin diri.

## Penggabungan Islam dengan pemerintah

Lalu timbul persoalan, mengapakah orang Melayu-Islam di negara ini begitu takut dengan



ZAIRIL Khir Johari (tengah, bersongkok hitam) meraikan golongan kanak-kanak pada Majlis Sambutan Merdekaranya.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) memerhatikan gelagat Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri membakar sate pada Majlis Sambutan Merdekaraya anjuran beliau.

kebebasan, iaitu satu nilai fitrah manusia? Mengapakah mereka sanggup menghina agama Islam itu sendiri dengan seolah-olah mengatakan bahawa tanpa paksaan undang-undang, agama Islam akan hilang pengaruhnya? Adakah iman orang Melayu-Islam ini begitu tipis sehingga mereka akan keluar agama secara berbondong-bondong sekiranya diberi kebebasan?

Asal-usul ketakutan ini mungkin boleh disusul kembali kepada pengalaman kolonial serta keperluan yang timbul untuk mengabadikan hubungan feudal antara pemerintah dengan rakyat marhaen.

Berikutnya Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada tahun 1874 di antara pihak British dan Sultan Perak, maka bermulalah kehilangan kuasa Raja-raja Melayu dalam pentadbiran kecuali dalam hal ehwal berkaitan agama dan adat Melayu, lantas menjadikan Islam sebagai sumber utama kesihihan ataupun legitimasi buat Raja-raja Melayu.

Kini, peranan Raja-raja hanya sekadar pelindung simbolik agama. Namun demikian, dek kerana hubungan kuasa feudal harus dikekalkan, maka kaum pemerintah telah mengambil alih peranan Raja-raja sebagai pelindung adat Melayu-Islam.

Justeru, sejak dari tahun 1970an, pemerintah mula memperkuatkan monopolinya ke atas agama dengan penubuhan institusi-institusi Islam untuk melindungi (atau mengawal) hal ehwal agama, misalnya Institut Dakwah dan Latihan Islam (Indah), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim), Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (Yadim), serta Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim). Kemuncak usaha ini pula adalah penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada tahun 1997, iaitu sebuah badan pusat yang bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia, meskipun kuasa pentadbiran Islam itu sepatutnya diagihkan kepada peringkat negeri.

Akibat daripada usaha sistematik untuk menginstitusikan agama ini, amalan Islam di Malaysia kini disifatkan dengan penguasaan ketat oleh pemerintah ke atas terjemahan dan pentadbirannya. Dengan kata lain, pemerintah

menentukan segala aspek kehidupan orang Melayu-Islam, termasuk hukum menggunakan Facebook, mengamalkan senaman yoga ataupun menari pocopoco.

Oleh itu, adalah jelas bahawa penggabungan Islam dengan pemerintah telah mengakibatkan hubungan kebergantungan yang kemudiannya memperkuuhkan lagi ketidakyakinan diri orang Melayu-Islam.

Kebebasan itu ancaman kepada kerajaan, bukan kepada Islam.

Dalam konteks ini, apa-apa ideologi yang menggalakkan kebebasan berfikir dan kebebasan nurani akan dilihat sebagai ancaman kepada

monopoli pemerintah ke atas Islam. Inilah sebab mengapa Jabatan Agama kini begitu obses dengan "bahayanya" sekularisme dan liberalisme.

Hakikatnya sebenarnya ironis, kerana negara sekular yang benar-benar berdasarkan kepada prinsip-prinsip demokrasi tidak akan mengancam agama Islam. Malah, ia dapat membebaskan agama daripada kepentingan diri pihak pemerintah, lantas memajukan lagi pemikiran dan wacana Islam.

Kita tidak perlu pergi jauh. Lihat sahaja kepada jiran kita. Walaupun Indonesia merupakan negara majoriti Muslim yang sekular dari segi perlembagaan dan liberal dari segi budaya, namun tidak ada ketakutan besar dalam kalangan Muslim di situ bahawa keimanan mereka tergugat. Malahan, amalan Islam di Indonesia dilihat umum sebagai lebih rencam, lebih bersemangat, dan, dengan ketiadaan pengawasan pemerintah, lebih jujur.

Keadaannya sama di Pulau Pinang pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 apabila gerakan islah Islam berkembang pesat sehingga negeri tersebut menjadi pusat serantau bagi penerbitan akhbar reformis Islam serta tafsir Al-Quran. Hal ini berlaku pada waktu Pulau Pinang mempunyai kerajaan British yang benar-benar sekular dan tidak mempunyai mufti atau raja yang menjaga urusan agama rakyat. Malah, mungkin hakikat itulah yang membenarkan perkembangan islah Islam dengan begitu pesat.

Jelas, kebebasan tidak mengancam Islam. Sekiranya pemerintah di Malaysia takut kepada kebebasan yang ditawarkan oleh fahaman sekularisme dan liberalisme, ia adalah kerana mereka takut kehilangan monopolii ideologi ke atas rakyat, dan seterusnya legitimasi atau hak berkuasa mereka.

Sebaliknya, saya berpendapat bahawa sekularisme dan liberalisme merupakan falsafah yang mampu memperkuuhkan amalan Islam. Sesungguhnya, masyarakat yang benar-benar Islam adalah masyarakat yang mempunyai kebebasan berfikir dan kebebasan nurani, serta kebebasan untuk mengamalkan Islam secara jujur dan bukan kerana paksaan atau tekanan.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon <a href="mailto:rashid.hasnon@penang.gov.my">rashid.hasnon@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyew@penang.gov.my">chowkonyew@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Cassim <a href="mailto:abdmalik@penang.gov.my">abdmalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookiang@penang.gov.my">lawchookiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi <a href="mailto:ongkokfooi@penang.gov.my">ongkokfooi@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee <a href="mailto:dunjawi@hotmail.com">dunjawi@hotmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalankota@gmail.com">dappengkalankota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekhara a/l Autheryphy <a href="mailto:ataha@first.net.my">ataha@first.net.my</a>	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree <a href="mailto:adunan.dunsgbakap@yahoo.com">adunan.dunsgbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarN28@gmail.com">komtarN28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin <a href="mailto:clementyeoh@hotmail.com">clementyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey <a href="mailto:yapsoohueydap@gmail.com">yapsoohueydap@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrbkttengah@gmail.com">pkrbkttengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim <a href="mailto:dapsungaipinang@hotmail.com">dapsungaipinang@hotmail.com</a>	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalanan <a href="mailto:drjayabalanan@gmail.com">drjayabalanan@gmail.com</a>	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji <a href="mailto:rsnrayer@gmail.com">rsnrayer@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria <a href="mailto:datomahmud@umpangroup.com.my">datomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ridwan Osman <a href="mailto:ridwan_wan48@yahoo.com">ridwan_wan48@yahoo.com</a>	013-499 5068
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak <a href="mailto:asrolsani2006@gmail.com">asrolsani2006@gmail.com</a>	013-580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad <a href="mailto:hadiputra78@yahoo.com">hadiputra78@yahoo.com</a>	019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Md. Salleh <a href="mailto:arshad.salleh@yahoo.com">arshad.salleh@yahoo.com</a>	019-510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd. <a href="mailto:zahadi55@yahoo.com">zahadi55@yahoo.com</a>	019-507 3828
TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar <a href="mailto:yatie119@yahoo.com.my">yatie119@yahoo.com.my</a>	019-433 7119
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin <a href="mailto:azmikeadilan@gmail.com">azmikeadilan@gmail.com</a>	012-594 1515
BAYAN LEPAS	
PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail <a href="mailto:tuahismail@yahoo.com">tuahismail@yahoo.com</a>	019-570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid <a href="mailto:halilsabri.hsh@gmail.com">halilsabri.hsh@gmail.com</a>	017-460 4849

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103		04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893		
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957		
NEGERI			
KASTAM	04-262 2300		
IMIGRESEN	04-250 3419		
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000		
SOCSCO	04-238 9888		

PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
	04-229 8555

N1	Penaga : 011-1060 8823	- Shukri	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N2	Bertam : 019 - 593 3736	- Fatimah	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3	Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin	N24 Kebun Bunga : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4	Tunggal : 019 - 556 4664	- R.M. Reza	N25 Pulau Tikus : 017 - 956 3237	- Quah
N5	Sungai Dua : 013 - 595 6865	- Rosli Man	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6	Telok Air : 013 - 598 1435	- Raudzey Razali	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7	Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28 KOMTAR : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8	Bagan : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 017 - 480 7417	- Razin
N9	Jermal : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 04 - 226 2464	- Varinder Kalvinder
N10	Bagan Dalam : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Shuen
N11	Seberang Jaya : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 019 - 4474362	- Karuna
	013 - 595 6865	- Rosli	012 - 5242549	
N12	Penanti : 04 - 538 2871	- Tira	016 - 4940705	
N13	Berapit : 016 - 401 3507	- Mr.Lim	012 - 4730736	
	017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee	016 - 487 8602	
N14	Machang Bubuk : 012 - 474 0964	- Andrew Chin	016 - 444 3550	
N15	Padang Lalang : 012 - 473 0964	- Ikhwan	04 - 646 4700	
N16	Perai : 014 - 945 9786	- Chan	019 - 4474362	
N17	Bukit Tengah : 04 - 399 6689	- Lai	012 - 4730736	
N18	Bukit Tambun : 013 - 518 8735	- Selvi	016 - 480 0232	
	016 - 404 9120	- Lim Tuan Chun	016 - 487 8602	
	017 - 378 4448	- G.Dumany	016 - 444 3550	
N19	Jawi : 017 - 408 4784	- Khor	04 - 646 4700	
	012 - 456 5018	- Abdul Halim	019 - 498 1096	
N20	Sungai Bakap : 019 - 552 8689	- Mr. Khor	016 - 428 6158	
N21	Sungai Acheh : 012 - 542 4454	- NorJuliana	016 - 599 2918	
N22	Tanjong : 010 - 929 6603	- Hasbullah	012 - 422 4935	
	012 - 465 0021	- Ariff Baseri	017-413 5695	
		- Tina		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2014**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 552 4791
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) <a href="mailto:chandrasekeran@mpsp.gov.my">chandrasekeran@mpsp.gov.my</a>	012 - 5619870
Loh Joo Huat (DAP) <a href="mailto:jhloh@mpsp.gov.my">jhloh@mpsp.gov.my</a>	012 - 422 1133
Tan Chong Hee (DAP)	019 - 411 5598
Tan Chee Teong (DAP)	012 - 401 7718
Michael Tan Cheong Heng (DAP)	012 - 487 3101
P. David Marshel (DAP)	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye (DAP)	012 - 425 2602
M.Satees (DAP)	016 - 438 4767
Chong Pei Pei (DAP)	012 - 476 7729
Ong Eu Leong (PKR)	010 - 770 0508
Rezal Huzairi Md Zaki (PKR)	017 - 409 7702
Abdul Jalil Che Ros (PKR)	013 - 489 3227
Shafiqah Shobha Abdullah (PKR)	016 - 496 1659
Rajasegar a/l Govindasamy (PKR)	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim (PKR)	018 - 576 1622
Zulkiefly Saad (PKR)	013 - 436 2848
Mohd Rizal Abd Hamid (PKR)	012 - 424 3878
Ho Leng Hong (PKR)	017 - 487 2767
Omar Hassan (PAS)	019 - 571 8031
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) <a href="mailto:ahmadkaswan@mpsp.gov.my">ahmadkaswan@mpsp.gov.my</a>	019 - 408 4899
Wong Chee Keet (NGO)	012 - 451 1312
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) <a href="mailto:itiun@mpsp.gov.my">itiun@mpsp.gov.my</a>	04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPPP 2014**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Tan Hooi Peng (DAP)	012 - 498 6212
Harvinder a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 428 2250
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Sukumar a/l Subramaniam (DAP)	019 - 442 2113
Joseph Ng Soon Siang (DAP)	012 - 423 9143
Tan Kim Hooi (DAP)	016 - 438 7855
Lee Chun Kit (DAP)	012 - 519 2152
Mohd Harisuan Jaharudin (DAP)	013 - 379 6019
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Ahmad Azrilal Tahir (PKR)	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam (PKR)	014 - 945 9621
Tan Chiew Choon (PKR)	019 - 470 4499
Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)	019 - 470 8811
Lim Boon Beng (PKR)	012 - 564 4400
Nur Zarina Zakaria (PKR)	011 - 1578 5098
Izsuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Mhd Nasir Yahya (PAS)	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui(NGO)	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat (NGO)	016 - 414 3428
Mohd Foaz Hamid (NGO)	016 - 422 2225

**Kalendar Pelancongan  
Pulau Pinang Okt. - Nov 2014**



22hb Oktober  
Deepavali



16hb November  
Penang Bridge  
International Marathon

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**  
YAP LEE YING  
AINUL WARDAH SOHILLI  
ZAINULFAQAR YAACOB  
NORSHAHIDA YUSOFF  
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**  
CHAN LILIAN  
LAW SUUN TING  
ALISSALA THIAN  
AHMAD ADIL MUHAMAD  
MARK JAMES

**Jurugrafik:**  
IDZHAM AHMAD  
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "sms blast",  
taip "ADD ME" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**  
Tingkat 47, Komtar,  
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat  
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,  
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256





PARA penari kebudayaan memberikan pose menarik sebelum memulakan persempahan pada Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Yang Ke-76.



KETUA Menteri meneliti sijil penghargaan diterima salah seorang kakitangan 3D MPPP yang dianugerahkan Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena sambutan Hari Jadi TYT Yang Ke-76.



PARA sukarelawan bertungkus-lumus membersihkan lumpur di kawasan perumahan Tingkat Paya Terubung yang dilanda bencana alam selepas kejadian hujan lebat.



ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey (depan, kiri sekali) bergambar kenangan dengan salah seorang pemenang cilik Penang Indian Association Tribahasa Competition.





AHLI Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (berdiri, dua dari kanan) dan ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (berdiri, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama pasukan masing-masing pada Kejohanan Futsal Anak Muda Malaysia anjuran mereka.



PARA peserta cilik beraksi ceria di hadapan lensa Buletin Mutiara selepas berjaya menamatkan cabaran Bukit Jambul Hikathon 2014.

# Pulih hubungan dua hala, gerak negara ke hadapan - KM

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

**GEORGE TOWN** – Adalah penting untuk ‘menawan semula’ semangat federalisme (perseketuan) dan memulihkan hubungan dua hala di antara perseketuan dan negeri sebagai tujuan meningkat pertumbuhan serta keupayaan mengerakkan negara ke hadapan, saran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada pengajuran Persidangan Persekutuan di Malaysia: Reka Bentuk dan Amalan di sini baru-baru ini.

Persidangan anjuran badan pemikir Kerajaan Negeri, Penang Institute (PI) tersebut adalah sebagai usaha bagi mengetengahkan pendapat daripada 17 tokoh pemikir serta pakar berhubung isu desentralisasi di mana output akhir

projek tersebut akan diterbitkan sebagai sebuah buku.

Guan Eng berkata, di Malaysia, imbangan kuasa adalah bergantung lebih kepada pihak perseketuan berbanding kuasa di peringkat negeri.

“Persekutuan yang merujuk kepada definisi prinsip-prinsip tadbir urus di mana terdapat domain dan peraturan yang dikongsi dalam sistem kerajaan pelbagai peringkat.

“Bercakap mengenai perbandingan, Malaysia amat berpusat.

“Di mana, sebahagian besar domain berfungsi mengawal perbandaran dalam segenap hal seperti pengangkutan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan kepolisan. Semuanya jatuh di bawah bidang kuasa Putrajaya,” ujarnya yang sejurus itu merasmikan persidangan yang berlangsung selama dua hari

tersebut.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia.

Turut serta, Pengarah Eksekutif PI, Zairil Khir Johari dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Pulau Pinang menghadapi beberapa sekatan contohnya seperti, operasi bas tempatan, perkembangan landasan lapangan terbang, pilihanraya tempatan bagi majlis perbandaran dan mendapatkan sebahagian daripada pendapatan cukai.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri adalah terhad kepada apa yang ia boleh dilakukan untuk rakyat kerana kedua-dua kekangan perlumbagaan



ZAIRIL Khir Johari (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Anwar Ibrahim sejurus selesai perasmian Persidangan Persekutuan di Malaysia: Rekabentuk dan Amalan anjuran PI di sini baru-baru ini.

dan kewangan.

Beliau berkata, pada tahun 2013, bajet gabungan kesemua 13 buah negeri di Malaysia adalah bersamaan dengan hanya enam peratus daripada

bajet perseketuan.

“Malah, Universiti Sains Malaysia (USM) mempunyai bajet yang lebih besar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang!” ulas beliau.

## Tindakan hotel tanpa lesen bermula 1 Oktober

**GEORGE TOWN** – Pemilik hotel tidak berdaftar di Pulau Pinang dan Seberang Perai berdepan dengan tindakan penguatkuasaan bermula 1 Oktober lalu ekoran Operasi Pemutihan Hotel Tanpa Lesen yang dijalankan Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan sebelum ini di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada sidang media berkata, sehingga September lalu, sebanyak 194 hotel tidak berlesen dicatatkan iaitu 168 di bahagian pulau dan Seberang Perai (26).

Beliau memberitahu, antara 194 yang tidak mempunyai lesen, 95 hotel telah membuat permohonan dan dalam senarai proses PBT, manakala, 14 daripadanya telahpun diluluskan.

“Operasi Pemutihan Hotel Tanpa Lesen ini adalah bagi mengawal bilangan hotel tidak

berlesen yang dilihat semakin meningkat hari ini terutamanya di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

“Terdapat 95 buah hotel telah dikenalpasti di kawasan Tapak Warisan Dunia (UNESCO) sahaja.

“Kita (Kerajaan Negeri) nak pastikan semua hotel ini sah menjalankan perniagaan dan yang lebih pentingnya ia selamat kepada pengunjung dengan memenuhi kriteria keselamatan ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba),” ujarnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Pengarah Bangunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Yew Tung Siang dan Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong.

Menurut Kon Yeow, bagi pengusaha yang telah membuat permohonan, Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengeluarkan permit sementara kepada pihak hotel-hotel berkaitan.

“Tujuan permit sementara ini adalah untuk memberi tempoh masa lebih panjang kepada pengusaha untuk mendapatkan lesen sah.

“Permit sementara ini sah untuk tempoh setahun dan akan mula ditawarkan mulai 1 November 2014. Pengusaha diberikan tempoh dua bulan untuk menerima tawaran tersebut.

“Sekiranya pengusaha tidak menerima tawaran tersebut, tindakan penguatkuasaan akan diambil mulai 1 Januari 2015,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menasihatkan pengusaha yang tiada dalam senarai PBT agar segera membuat permohonan bermula tarikh sama iaitu 1 Oktober 2014 dengan membawa Sijil C1 (kelulusan merancang tukarguna bangunan) kepada PBT berkaitan.

## Tingkat kerjasama PP, Thailand demi manfaat jangka panjang

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang dan Thailand perlu meningkatkan kerjasama erat untuk memajukan kawasan pelancongan dan sektor perindustrian masing-masing demi memastikan kedua-dua belah pihak meraih manfaat jangka masa panjang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa menerima kunjungan hormat Konsul Besar Thailand Ke Pulau Pinang yang baru, Srirat Vathesatogkit di pejabatnya di sini baru-baru ini.

“Ini tanda persahabatan dan kerjasama erat untuk manfaat bersama jangka panjang,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Dalam pertemuan itu, Srirat sekali lagi mengulangi hasrat agar Thailand dan Malaysia dapat meningkatkan kerjasama untuk memajukan kawasan di sempadan secara bersama.

Menurutnya, sebagai konsul besar untuk negeri Kedah, Perak dan Pulau



KETUA Menteri menyerahkan cenderamata kepada Srirat Vathesatogkit sempena lawatan rasminya di sini baru-baru ini.

Pinang, beliau percaya bahawa Malaysia dan Thailand boleh meningkatkan hubungan antara rakyat dengan rakyat dan antara kerajaan tempatan dengan kerajaan tempatan.

**CHONG ENG** (barisan depan, empat dari kiri) dan **Yap Soo Huey** (barisan depan, empat dari kanan) bersama-sama para peserta menunjukkan tanda bagus pada penganjuran Bengkel Kepimpinan bertemakan ‘Wanita Dan Lelaki Bersama-sama Untuk Urus Tadbir Yang Baik’ di sini baru-baru ini.

## ‘Beg Mama’ sebagai tanda hargai pengorbanan kaum ibu

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM** – Ahli Parlimen Bukit Mertajam dengan kerjasama Pejabat Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti serta Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini memperkenalkan program Beg Mama sebagai menghargai pengorbanan kaum ibu terutamanya mereka yang bergelar ibu.

Ahli Parlimennya, Steven Sim Chee Keong berkata, program tersebut merupakan usaha untuk mengetengahkan kepentingan kaum ibu kepada masyarakat.

“Program ini bertujuan menyampaikan mesej kepada kaum ibu bahawa mereka berhak mendapatkan masa dan sumber daripada kerajaan.

“Selain itu, penganjuran itu turut diadakan sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan jenayah keganasan rumah tangga di sini,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Lalang, Chong Eng.

Tambah Chee Keong, bermula September lalu, sebanyak 200 beg kitar semula berisi set pakaian bayi, pad payudara untuk ibu, produk kebersihan bayi dan kad ucapan khas daripada ahli-ahli parlimen dan exco-exco Kerajaan



**STEVEN** Sim Chee Keong (tengah) dan Chong Eng (empat dari kanan) menunjukkan beg yang diedarkan sempena penganjuran program Big Mama di sini baru-baru ini.

Negeri diedarkan pada sesi lawatan terhadap ibu yang baru melahirkan bayi.

“Lawatan tersebut diadakan bersama-sama wakil Brigid Wanita Pulau Pinang pada setiap hujung minggu di Wad Bersalin Hospital Bukit Mertajam sebagai salah satu pengisian program Beg Mama,” jelas beliau.

Chong Eng memberitahu, selain usaha memartabatkan kaum ibu, Kerajaan Negeri memandang berat isu keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak yang dipercayai semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

“Bagi melindungi hak kanak-kanak, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menganjurkan seminar di seluruh negeri bagi memerangi isu ini.

“Di samping itu, saya juga berharap agar Kerajaan Pusat dapat mengimplementasikan salah satu manifesto Pakatan Rakyat (PR) yang memperuntukkan seorang suami supaya mencarumkan RM600 setahun kepada isteri sebagai tanda penghargaan,” seru beliau.

# TAWARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

## SENARAI PEMOHON BERJAYA

### TARIKH PEMILIHAN : 4 SEPTEMBER 2014

SIERRA RESIDENCES (DBD) RM 192,000- RM199,000

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH DAFTAR	TARIKH KEMASKINI
1	6038965	61011507xxxx	SALMAH BT ABU BAKAR	NO 68 MK E TITI TERAS 11000	1986-06-01	2014-08-12
%	A3014592	75042108xxxx	MD HANIF BIN MOHD RADZI	A-A34 MUKIM 12 SG NIBONG TENGAH BAYAN BARU 11900	1995-06-01	2014-08-20
3	81050507xxxx	81050507xxxx	MASLIHA BT YON	NO 39 BLOCK B,MUKIM 12 SUNGAI NIBONG KECIL 11900	2002-05-23	2014-04-09
&	81030407xxxx	81030407xxxx	MOHD ISNI FAIZAL BIN ISMAIL	7171, BLOK J, MUKIM 12 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS	2004-07-14	2014-06-19
5	7264282	64031907xxxx	SALLEH BIN SHARI	60, BLOK B, MUKIM 12 SUNGAI NIBONG KECIL 11900 BAYAN LEPAS	2005-11-30	2014-04-10
6	A2720120	73120507xxxx	ZAIRULAZLI BIN ABUL KHALIM	49 MUKIM J KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU	2007-08-03	2014-06-13
7	80070707xxxx	80070707xxxx	ZILIA BT RAMLI	559, MUKIM E TITI TERAS 11000 BALIK PULAU	2007-09-05	2014-03-05
8	84020107xxxx	84020107xxxx	MOHD FAIZ BIN AZMI	12-3-2A, HALAMAN KENANGA LENGGOK NIPAH 3 11700 OFF SG DUA	2008-05-05	2014-03-27
9	84052502xxxx	84052502xxxx	NOR KASMAWATI BT KARIA	36, TKT TELOK KUMBAR 1 TELOK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS	2009-04-23	2014-06-30
10	85032107xxxx	85032107xxxx	MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD ZABIDI	NO 1, MK F, RANCANGAN RUMAH MURAH JALAN GENTING 11000 BALIK PULAU	2010-01-27	2014-04-17
11	83051007xxxx	83051007xxxx	BUKHARI B ISMAIL	LOT 160 KG TERSUSUN SUNGAI ARA BAYAN LEPAS 11900	2011-06-02	2014-06-30
12	86072435xxxx	86072435xxxx	SITI SARAH BT ABD MUTALIB	96-A, BLOK J, MK 12 BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS	2011-09-30	2014-07-16
13	90043007xxxx	90043007xxxx	NAZEERA BT FADZIL	5C-6-28 TINGKAT KENARI DESARIA SRI MERPATI 11900 BAYAN LEPAS	2011-10-03	2014-03-25
14	85100507xxxx	85100507xxxx	MOHD SYAFARI BIN TAHARIM	FLAT TELUK KUMBAR BLOK 20-05-04 JALAN PASIR BELANDA MUKIM 9 11950 TELUK KUMBAR	2012-04-17	2013-12-18
15	86052735xxxx	86052735xxxx	MOHAMAD ADI BIN MOHAMAD AYUB	9-3-5 PANGSAPURI TNB SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS	2012-07-23	2014-03-26
16	89072807xxxx	89072807xxxx	SITI SAADIAH BT GHAZALI	G-1, BLOK MELATI LENGGOK KELICAP 11900 BAYAN LEPAS	2012-11-01	2014-04-24
17	85021607xxxx	85021607xxxx	SAIFUL ANUAR B TALIB	1, LRG SPG JAYA 3 TMN SPG JAYA 11000 BALIK PULAU	2013-10-11	2014-04-14
18	6371021	61110602xxxx	ROHANI BINTI HUSSEIN	76, PESIARAN MAYANG PASIR 3 BAYAN BARU 11950	2013-12-17	2013-12-17
19	86092535xxxx	86092535xxxx	MOHD HELMI BIN NOORDIN	36-1-5 LEBUH BATU MAUNG II TMN MEWAH FASA 2 11960	2014-01-02	2014-01-02
20	88102135xxxx	88102135xxxx	NURHFIZAH BINTI MD NOOR	E-4-1 KUAERS PENDIDIKAN GURU SOLOK SUNGAI ARA 2 BAYAN LEPAS 11900	2014-01-06	2014-04-11

7	87041607xxxx	87041607xxxx	MUHAMMAD FIRDAUS BIN KAMARUDIN	T8-8D, KUARTERS POLIS BAYAN BARU JALAN TENGAH 11950 BAYAN BARU	2014-07-24	2014-07-24
8	85031607xxxx	85031607xxxx	EVI KARTINI BT TAJUL ARIFFIN	440 MK 11 SUNGAI BATU TELUK KUMBAR BAYAN LEPAS PP 11920	2014-08-08	2014-08-08
9	82061707xxxx	82061707xxxx	NUR NUZAIMI MD IQBAR	6, LINTANG BUKIT KECIL 5 TAMAN SRI NIBONG 11900		2014-01-16
10	90010207xxxx	90010207xxxx	FIKRI BIN ZAINOL	704-A KAMPUNG SERONOK 11900 BAYAN LEPAS		2014-04-21
11	83121707xxxx	83121707xxxx	ELPINIA BINTI UNGGUN	904-A JLN SEPAKAT KGMASID TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS		2014-08-27

**SIERRA RESIDENCES (DBD) RM 293,000 – RM 299,000**

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH DAFTAR	TARIKH KEMASKINI
1	6825447	62053007xxxx	RAHIL BT IBRAHIM	20 JALAN PISANG TANDUK KAMPUNG MELAYU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	1995-06-01	2014-07-02
%	80061607xxxx	80061607xxxx	MOHD REDZUAN BIN ABDUL RAHIM	NO 2, PINTASAN MAKLOOM 1 JALAN MAKLOOM 10150 GEORGETOWN	2007-08-07	2014-04-23
3	84110107xxxx	84110107xxxx	NOORAINI BT MOHD MYDIN	BLOK D-2-17 FLAT UDA, TANJUNG TOKONG 10470	2009-02-13	2014-08-20
&	86091035xxxx	86091035xxxx	HANEE NAZYAH BT AHMAD MOGHNI	NO 137A JALAN AIR ITAM 11400	2010-12-30	2014-01-09
5	80022207xxxx	80022207xxxx	NORITA BT AZMEE	C-3-4, HOSPITAL KUARTER JALAN LIM KHOON HUAT 10460 GEORGETOWN	2012-01-03	2014-07-10
6	83020307xxxx	83020307xxxx	MOHAMAD SHAHRIN BIN BAHARUDIN	7-2-17 TMN BATU UBAN 11 LINTANG PANTAI JERJAK SG NIBONG 11900	2012-01-30	2014-02-25
7	87091235xxxx	87091235xxxx	ANAS B BAHAUDIN	8-2-9, LINTANG KG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150	2013-04-05	2014-02-11
8	88012975xxxx	88012975xxxx	ASLAM BIN MOHD MOHIDEEN	26-4-8 MEDAN SAMAK JLN DATO KRAMAT PP 10150	2014-01-20	2014-01-20
9	88020914xxxx	88020914xxxx	NOR FARAHIDA BINTI CHE RAHMAT	1-3-19 TAMAN UTAMA LINTANG MINDEN 2 11700	2014-01-30	2014-01-30
10	91060307xxxx	91060307xxxx	SOFIA HASANA MOHAMED ILLIAS	18 SOLOK PEKAKA 1 TMN PEKAKA PP 11700	2014-02-04	2014-02-04
11	82053107xxxx	82053107xxxx	AHMAD FAIROUZ BIN ABDUL AZIZ	3-2 LORONG DELIMA 13 DESA MUTIARA 11700 PENANG	2014-02-05	2014-02-05
12	78010307xxxx	78010307xxxx	HELME BIN ABDUL JALIL	3-15-6 PANGSAPURI PELANGI LINTANG MACALLUM 2 10300	2014-02-06	2014-02-06
13	83102575xxxx	83102575xxxx	MOHAMED SIRAJUDEEN BIN NIJAMUDEEN	9-4-6 JLN LINTANG MCALLUM DUA PANGSAPURI PELANGI 10300	2014-02-10	2014-02-10
14	4779217	55050407xxxx	MD HASHIM BIN BAHARI	17 LENGGOK ARIFF GEORGETOWN 11600	2014-02-24	2014-02-24
15	90031607xxxx	90031607xxxx	NURUL AZWA BINTI SABRAN	1-3-1 PANGSAPURI HARMONI JLN KENNEDY PP 11600	2014-03-04	2014-03-04
16	5429682	58101507xxxx	SABARIAH BT NOORDIN	55-57 JALAN GEMAS GEORGETOWN 10460	2014-03-06	2014-03-06
17	86092935xxxx	86092935xxxx	RAUZIAH BINTI AHAMED IBRAHIM	TK-9-2 TINGKAT NUSANTARA JALAN PERAK 10150	2014-03-13	2014-03-13
18	A233456	72101307xxxx	MOHAMED RASHID B NAGORE MEERAH	39-13-10 LINTANG DELIMA 14 11700	2014-04-22	2014-04-22
19	A1214121	69020707xxxx	ALIMATON BINTI ABDUL RAHMAN	NO 98 JLN GEMAS GEORGETOWN 10460 PP	2014-05-21	2014-05-21
20	81102507xxxx	81102507xxxx	CHE SAYANG BINTI ALI	A-13-4 FLAT KG MELAYU AYER ITAM 11500 PP	2014-08-18	2014-08-18

**SIERRA RESIDENCES (DBD) RM 396,000 – RM 400,000**

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH DAFTAR	TARIKH KEMASKINI
1	86102835xxxx	86102835xxxx	FAZLINA BT MUSTAFFA	PERSIARAN MAYANG PASIR 3 11950 BAYAN BARU	2014-07-23	2014-07-23
%	77050313	77050313xxxx	MOHAMAD KHUSHAIRY BIN USUP	308-5-3A TAMAN JADE VIEW 11700 JALAN BUKIT GAMBIR		2014-08-21
3	84011007xxxx	84011007xxxx	MUHAIZAM BIN MD MOKHTAR	17-2-14, TINGKAT PAYA TERUBONG 3 11060 TAMAN TERUBONG JAYA	2013-12-30	2014-01-16
&	59082612xxxx	59082612xxxx	MOHD YUSSUF BIN SARIF	1B, WISMA KOPERASI POLIS 10150 JALAN KAJANG	2014-01-30	2014-03-05

**TAMAN MACHANG BUBUK (SPT) RM 288,800**

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH KEMASKINI	
1	79060707xxxx	79060707xxxx	NOOR AZIMAN BIN NOORDIN	NO 15, TINGKAT TENGGIRI BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI	2014-04-16	2014-04-16
%	89092707xxxx	89092707xxxx	HARIZ BIN ABDUL WAHID	NO 94, TINGKAT KIKIK SATU TAMAN INDERAWASIH 13600	2014-04-03	2014-04-03

## TAMAN MACHANG BUBUK (SPT) RM 300,000 – RM 310, 000

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH DAFTAR	TARIKH KEMASKINI
1	83012507xxxx	83012507xxxx	NURZAHAN BINTI ABDUL MAJID HASSAN	1202, MUKIM 11, LORONG NANAS, KAMPUNG NANAS, BUKIT TENGAH, 14000 BUKIT MERTAJAM		2013-12-27
%	86073135xxxx	86073135xxxx	AZHANI BINTI NOOR ZAMRI	10 PERSIARAN KOTA PERMAI 3 TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM		2014-07-16
3	82060407xxxx	82060407xxxx	MOHD ZAIDI BIN YAAKOP	NO 127 MUKIM 4 PERMATANG PAUH 13500		2014-08-27
&	85100107xxxx	85100107xxxx	AZLINA BINTI AMIR HAMZAH	25 SOLOK TENGGIRI BANDAR SEBERANG JAYA 13700	2012-05-11	2014-02-10
5	81021307xxxx	81021307xxxx	NORHAPISAH BINTI HASSIM	2102, MUKIM 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM		2014-02-12
6	84021807xxxx	84021807xxxx	HARZERUL BIN SHAFIE	NO SB 5679 UNIT 2 KG MASJID TIMAH 13700 PERMATANG PAUH	2014-01-07	2014-01-07
7	87033035xxxx	87033035xxxx	AMILIA BINTI FADILAH	NO 3-02 PANGSAPURI PBA LORONG PERDA BARAT 3 14000 BDR PERDA, BUKIT MERTAJAM	2014-01-16	2014-01-16
8	88020135xxxx	88020135xxxx	MOHAMAD ZAHIR BIN ABDUL TAIB	TBP 5404, MUKIM 4 TAMAN JANGGUS, KG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	2014-01-21	2014-01-21

## TAMAN BUKIT MERTAJAM INDAH (SPT) RM 368,000-398,800

BIL	KPLAMA PEMOHON	KPBARU PEMOHON	NAMA PEMOHON	ALAMAT1	TARIKH DAFTAR	TARIKH KEMASKINI
1	A2070556	72021502xxxx	NORHAYATI BINTI ABU BAKAR	NO 72, LORONG PAUH JAYA 3/3 TMN PAUH JAYA 13500 PERMATANG PAUH	2014-03-05	2014-03-05

### TAWARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

#### SENARAI PEMOHON BERJAYA

PROJEK : 98 NIBONG RESIDENCE, PERSIARAN PANTAI JEREJAK, PLB LAND SDN BHD

TARIKH PEMILIHAN : 4 SEPTEMBER 2014

HARGA SEUNIT : RM199,990.00

2	79052007xxxx	79052007xxxx	SITI SUFINAS BINTI HASSAN	NO. 1-11-01 NIBONG INDAH JALAN AZIZ IBRAHIM PANTAI JEREJAK 11900 BAYAN LEPAS	25/03/14	07/04/14
3	87032735xxxx	87032735xxxx	NAZIRAH BINTI KAMAR	947, MUKIM 11 SG BATU TELUK KUMBAR, 11920 BAYAN LEPAS	27/03/14	27/03/14
4	87110907xxxx	87110907xxxx	TAN HAN HOOI	117-K NOORDIN STREET GHAUT FLAT	30/08/10	11/02/14
5	90021307xxxx	90021307xxxx	CHOOI CHUN MING	6-6-18 TKT NIPAH TAMAN LIP SIN BAYAN LEPAS 11900 P.PINANG	20/03/12	19/05/14
6	87080607xxxx	87080607xxxx	TAN SAW CHIN	33 JALAN SUNGAI ARA 7, DESA ARA, 11900 BAYAN LEPAS	17/05/12	04/03/14
7	91050307xxxx	91050307xxxx	TANG SHIEH LING	52-0-3 JALAN HASSAN ABAS, TELOK BAHANG, 11050 P.PINANG	09/08/12	09/01/14
8	89013107xxxx	89013107xxxx	LAU CHUN MING	2C, MEDAN PANTAI JERIKA SG NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	22/10/12	23/07/14
9	80060807xxxx	80060807xxxx	SATIA SILAN A/L SHUNMUGAM	8-2-8 LEBUH NIPAH 3 SUNGAI NIBONG BAYAN LEPAS 11900 P.PINANG	18/3/03	13/3/14
10	88121307xxxx	88121307xxxx	ROY KRISNA NAIR	5-1-5 MAWAR APARTMENT TAMAN SRI NIBONG 11900 P.PINANG	13/3/14	13/3/14

### TAWARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

#### SENARAI PEMOHON BERJAYA

PROJEK : 98 NIBONG RESIDENCE, PERSIARAN PANTAI JEREJAK, PLB LAND SDN BHD

TARIKH PEMILIHAN : 4 SEPTEMBER 2014

HARGA SEUNIT : RM400,000.00

BIL	NO KAD PENGENALAN		NAMA	ALAMAT	TARIKH MENDAFTAR	TARIKH KEMASKINI
	LAMA	BARU				
1	RF96417		CHE ROSS BIN SAID	18 GERBANG SUNGAI ARA 6, TMN PAGAR BULUH 11900 BAYAN LEPAS	22/05/14	22/05/14
2	88011807xxxx	88011807xxxx	YEAP CHEA MING	28, LORONG NIPAH 2, TAMAN LIP SIN BAYAN LEPAS	26/6/09	17/02/14
3	A3611150	77032507xxxx	CHUAH SOO CHIN	A1-1-3 LEBUH NIPAH MK 13 HALAMAN AREKA 11900 SG NIBONG, P.PINANG	07/12/09	27/03/14
4	85101608xxxx	85101608xxxx	WONG KEAT YEONG	NO.1 JALAN KENARI SG. ARA 11900 BAYAN LEPAS	29/10/10	26/06/14
5	80102407xxxx	80102407xxxx	B KALAIVANI A/P BALAKRISHNAN	29, LINTANG BATU MAUNG TAMAN IPING, 11900 P.PINANG	20/05/11	13/02/14

### TAWARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

#### SENARAI PEMOHON BERJAYA

PROJEK : 98 NIBONG RESIDENCE, PERSIARAN PANTAI JEREJAK, PLB LAND SDN BHD

TARIKH PEMILIHAN : 4 SEPTEMBER 2014

HARGA SEUNIT : RM299,990.00

BIL	NO KAD PENGENALAN		NAMA	ALAMAT	TARIKH MENDAFTAR	TARIKH KEMASKINI
	LAMA	BARU				
1	87052508xxxx	87052508xxxx	WAN AZLIA BINTI ZULKIFLI	BLOK 18-4-4 PERSIARAN MAYANG PASIR 5 BAYAN BARU 11950 P.PINANG	10/02/14	10/02/14

# Bajet 2015 MPPP, tekan baiki kemudahan awam

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar: SHUM JIAN WEI

**GEORGE TOWN** – Bajet 2015 Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dijangka mengalami defisit sebanyak RM89.26 juta tahun hadapan dengan anggaran hasil sebanyak RM411.20 juta berbanding anggaran perbelanjaan, RM500.46 juta.

Yang di-Pertua (YDP) MPPP, Datuk Patahiyah Ismail ketika Mesyuarat Khas Majlis berhubung Bajet Tahun 2015 di sini berkata, bajet defisit tersebut bakal dibiayai wang simpanan Majlis yang mencatatkan lebihan dalam penyata kewangan untuk tiga tahun berturut iaitu tahun 2011 sebanyak RM69.92 juta, 2012

(RM80.09 juta) dan 2013 (RM47.57 juta).

“Penggubalan Bajet 2015 bermatlamatkan perbelanjaan berhemat dan mengutamakan kesejahteraan pembayar cukai dirangka dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama seperti melestarikan persekitaran bersih, memantapkan perkhidmatan, memperkasakan pengurusan lalulintas dan infrastruktur, memantapkan keselamatan awam serta menganjurkan program riadah,” katanya pada pembentangan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Majlis, Ir. Ang Aing Thye dan barisan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Menurut Patahiyah, MPPP



PATAHIYAH Ismail (dua dari kanan) ditemani Ir. Ang Aing Thye (kanan sekali) bersama-sama barisan Ahli Majlis MPPP meneliti intipati Bajet 2015 yang dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Khas MPPP di sini baru-baru ini.

mempunyai tiga punca hasil utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

“Anggaran Hasil bagi 2015 sebanyak RM411.20 juta akan disumbangkan melalui tiga punca hasil ini yang dianggarkan meningkat pada tahun hadapan (2015) berbanding hasil tahun lalu (2014).

“Anggaran Hasil Cukai dianggarkan meningkat sebanyak RM8.86 juta berbanding tahun 2014 (RM174.83 juta) menjadikan keseluruhan jumlah hasil ini adalah sebanyak RM183.69 juta.

“Jumlah Hasil Bukan Cukai meningkat RM31.03 juta

menjadikan kutipan pada 2015 kepada RM179.93 juta (43.76 peratus). Anggaran Hasil Bukan Cukai pada tahun 2014 ialah sebanyak RM148.90 juta.

“Anggaran Terimaan Bukan Hasil ialah sebanyak RM47.58 juta atau 11.57 peratus daripada keseluruhan jumlah hasil iaitu meningkat sebanyak RM26.33 juta berbanding 2014 sebanyak RM21.25 juta,” jelas beliau.

Tambahnya, bajet bertemakan Pulau Pinang Lebih Selamat, Bersih, Hijau dan Sihat itu kemudian dipersetujui ahli majlis dewan mesyuarat MPPP.

Dalam pada itu, Patahiyah

memberitahu, bagi tujuan mencapai bidang keberhasilan utama untuk memantapkan keselamatan, kebersihan, kehijauan, kesihatan dan kemudahan awam serta infrastruktur, maka sejumlah peruntukan disediakan untuk tujuan tersebut.

“Bajet 2015 memberikan penekanan kepada penambahan kemudahan awam dan infrastruktur iaitu membabitkan peruntukan berjumlah RM96.57 juta.

“Diikuti dengan aspek kebersihan (RM55.85 juta), keselamatan (RM12.86 juta), kehijauan (RM4.75 juta) dan sihat (RM3.45 juta),” jelas beliau.

## Bajet 2015 MPSP, tekan 7 fokus perkhidmatan

Oleh: ZAINULFAQAR  
YAACOB

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dijangka mengalami defisit RM30,447,875 pada tahun depan dengan perbelanjaan mengurus berjumlah RM243,836,559, berbanding anggaran hasil RM213,388,684.

Yang di-Pertua, Datuk Maimunah Mohd. Sharif semasa membentangkan cadangan Bajet MPSP 2015 itu berkata, peningkatan perbelanjaan mengurus adalah sebanyak 5.33 peratus pada tahun hadapan berbanding tahun 2014.

“Perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2015 antara lain disebabkan kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta kos

emolumen dan bekalan pakaian seragam bagi tambahan pekerja am.

“(Bagaimanapun,) defisit yang dicadangkan ini akan ditampung daripada Kumpulan Wang Majlis yang (keseluruhannya) berjumlah RM86.04 juta pada Disember 2013,” ujarnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Bajet bertemakan ‘Seberang Perai Kondusif dan Progresif Bersama Komuniti’ itu kemudian dipersetujui ahli majlis mesyuarat dewan.

Menurut Maimunah, MPSP pada tahun 2012 dan 2013 umpsamanya turut mencadangkan bajet defisit, iaitu masing-masing sebanyak RM29.69 juta dan RM10.35 juta.

Pun begitu, jelas beliau, MPSP semasa penutupan akaun berakhir



MAIMUNAH Mohd. Sharif (berdiri, kiri sekali) sedang membentangkan Bajet MPSP 2015 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

31 Disember telah berjaya memperoleh lebihan kewangan (surplus) sebanyak RM4.15 juta bagi tahun 2012, dan RM2.74 juta pada tahun 2013.

“Bajet MPSP tahun ini pun defisit RM27 juta, (tetapi) kita jangka akan berlaku surplus juga bagi tahun 2014, kerana akaun

ditutup pada 31 Disember ini,” ujar Maimunah.

Bajet 2015 MPSP yang dicadangkan memberikan penekanan ke atas tujuh fokus perkhidmatan, iaitu kebersihan sebanyak RM93.68 juta, diikuti,

Keselamatan & Lalulintas (RM16.61 juta), Infrastruktur & Kemudahan Awam (RM15.12 juta), kawalan banjir (RM8.09 juta), pengindahan & kehijauan (RM4.08 juta) dan penglibatan komuniti (RM2.33 juta).

Pembentangan Bajet MPSP 2015 berdasarkan peruntukan Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

# City Walk 1.1.15 sasar 10,000 peserta

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar : ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kelab Pengembara Pulau Pinang (PAC) buat julung kalinya bakal membuka penyertaan percuma kepada mereka dilahirkan pada 1 Januari bersempena tarikh penganjuran acara tahunan, *City Walk 1.1.15* di sini pada 1 Januari 2015.

Wakil PAC, Wong Pang Kong berkata, penganjuran bersempena sambutan Hari Bandar yang jatuh pada tarikh berkenaan menjangkakan penyertaan seramai 10,000 peserta di Padang Kota Lama di sini.

“Program tahunan tersebut adalah bagi menggalakkan gaya hidup sihat di samping membawa para peserta menyelusuri dengan lebih dekat keindahan George Town membabitkan perjalanan sejauh lima kilometer (km).

“Antara tempat-tempat bersejarah dan

menarik yang bakal dilalui peserta adalah Masjid Kapitan Keling, Khoo Kongsi, Kuil Teochew, Kuil Mahamariamman dan Fort Cornwallis,” ujarnya pada sidang media pengumuman penganjuran program *City Walk 1.1.15* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penolong Pengarah Jabatan Korporat MPPP, Fadzillah Hussain.

Tambah Pang Kong, sebagai tambahan, acara cabutan bertuah juga bakal diadakan khas kepada para peserta yang berjaya menghabiskan perjalanan selama dua jam di garisan penamat.

Penyertaan terbuka kepada orang ramai. Yuran pendaftaran sebanyak RM10 bakal dikenakan untuk mereka berumur 13 tahun ke atas, 5 hingga 12 tahun (RM5) dan lima tahun ke bawah (percuma).

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, layari laman sesawang, [www.mppp.gov.my](http://www.mppp.gov.my) atau <http://www.pac.com.my> atau emelkan kepada [wongpangkong@gmail.com](mailto:wongpangkong@gmail.com). Tarikh tutup penyertaan adalah pada 1 November 2014.



WONG Pang Kong (kiri sekali) menunjukkan kemeja-T penganjuran *City Walk 1.1.15* pada sidang medianya di sini baru-baru ini.

## MPPP digesa tangani isu papan iklan haram

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. Lim Mah Hui menggesa pihak berkenaan selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya lebih tegas dalam menangani masalah papan iklan haram yang dipercayai semakin membimbangkan kini.

Gesaan tersebut disuarakannya semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang berlangsung ekoran insiden papan iklan tumbang ketika hujan ribut baru-baru ini hingga memusnahkan harta awam di Sungai Nibong di sini beberapa minggu lalu.

Ekoran kejadian tersebut, Mah Hui berkata, Majlis harus lebih agresif membersihkan semua papan iklan haram, poster dan sepanduk haram di kawasan pulau yang dilihat semakin berleluasa kini sehingga menjelaskan p e m a n d a n g a n s e b a g a i s e b u a h bandar warisan yang hijau dan bersih.

“Majlis bukan s a h a j a p e r l u membersihkan semua papan iklan, poster dan sepanduk haram ini, tetapi, mendakwa pesalah mengikut u n d a n g - u n d a n g diperuntukkan untuk langkah pencegahan pada masa hadapan.

“S a t u g a r i s panduan baru turut perlu dikaji semula

bagi mengawal bilangan dan saiz papan iklan tersebut,” ujarnya semasa sesi ucapan penangguhan pada MBM MPPP baru-baru ini di sini.

Menurut Mah Hui, kebanyakan bandar-bandar maju seperti Singapura dan Hong Kong telah lama menghadkan pengiklanan awam.

“D i f a h a m k a n , MPPP telah mengeluarkan sejumlah 254 papan iklan haram, tetapi, masih banyak yang berbaki untuk dikeluarkan.

“Yuran daripada aktiviti pelesiran yang dikumpulkan Majlis adalah berjumlah kira-kira RM100,000 setahun, namun, bagi tahun hadapan (2015), Majlis memperuntukkan RM500,000 untuk kos menurunkan poster haram dan papan iklan ini sahaja,” tegas beliau.



DR. Lim Mah Hui menunjukkan gambar papan tanda yang digunakan di Melbourne, Australia pada ucapan penangguhan beliau di MBM MPPP di sini baru-baru ini.



MUHAMMAD Sabri Md. Osman (tengah) dan Lee Chun Kit (kiri sekali) menunjukkan peta cadangan aliran lalulintas sehala berkuatkuasa 30 Oktober ini pada sidang media baru-baru ini di sini.

## Laluan sehala babit 3 jalan utama mulai 30 Okt.

**GEORGE TOWN** – Berkuatkuasa 30 Oktober ini, laluan membabitkan sebahagian Jalan Jelutong dan Jalan Perak bakal bertukar kepada sehala sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan di sini.

Perkara tersebut diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Sabri Md. Osman selepas selesainya Mesyuarat Biasa Majlis baru-baru ini di sini.

Muhammad Sabri yang juga Ahli Majlis MPPP berkata, pertambahan kenderaan di Pulau Pinang telah menyebabkan kesesakan lalulintas di sebahagian besar jalan utama pada waktu puncak.

“Pelaksanaan sistem laluan sehala secara percubaan dalam tempoh tiga bulan sebelum ini memperlihatkan keberkesanannya dalam melancarkan aliran trafik di sini.

“Selaras itu, beberapa larangan telah dicadangkan iaitu para pemandu yang melalui Jalan Jelutong/Jalan Perak/Jalan Tan

Sri Teh Ewe Lim adalah dilarang memblok ke arah kanan.

“Ia (larangan) adalah membabitkan laluan dari Jalan Jelutong menuju Jalan Masjid Negeri, dari Jalan Jelutong menuju ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan dari Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim menuju ke Gelugor,” jelasnya pada sidang media baru-baru ini.

Hadir sama, Jurutera Lalulintas, Zainuddin Mohamad Shariff dan Ahli Majlis, Lee Chun Kit.

Tambah Muhammad Sabri, antara jalan lain yang akan ditukar ke laluan sehala berkuatkuasa pada tarikh sama ialah di sebahagian Jalan Panchor.

“Susunan aliran lalulintas yang dicadangkan adalah dari Jalan Setiawan menuju ke Jalan Perak.

“Pemandu turut dilarang melakukan belokan kanan dari Jalan Perak ke Jalan Kurau dan larangan pergerakan terus dari Jalan Kurau ke Solok Perak,” ujar beliau.

# Pesakit derita ‘kaki gajah’ rayu sumbangan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**SUNGAI PINANG** – Shamsudin Ismail yang menderita penyakit ‘filariasis limfatisik’ atau lebih dikenali sebagai ‘kaki gajah’ merayu sumbangan orang ramai bagi meringankan bebanan ditanggungnya untuk mendapat rawatan susulan.

Shamsudin yang kini tinggal di Taman Serina di sini berkata, penyakitnya semakin kritis apabila ia mula merebak hingga ke kerandut zakar (*scrotum*) dan lebih banyak menghabiskan masa di atas katil.

Lebih malang, bapa kepada dua cahaya mata yang masih bersekolah tersebut memberitahu, beliau turut disahkan mengalami komplikasi buah pinggang serta perlu menjalani rawatan dialisis.

“Buat masa ini, perbelanjaan harian kami sekeluarga bergantung kepada bantuan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) iaitu sebanyak RM270 sebulan dan bantuan dari Pusat Urus Zakat (PUZ) sebanyak RM600 setahun.

“Memang tak cukup dengan kos rawatan dan ubatan, saya harap ada yang sudi membantu memandangkan saya sekarang ni memang susah nak gerak,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di kediamannya di sini baru-baru ini.

## Lampu isyarat pejalan kaki dua kawasan sesak demi keselamatan



ANTARA pengguna yang menggunakan kemudahan lampu isyarat pejalan kaki di Plaza Gurney di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU TIKUS** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil inisiatif memasang lampu isyarat pejalan kaki di dua kawasan sesak di sini baru-baru ini

Pemasangan lampu isyarat pejalan kaki di Jalan Kelawai, iaitu berhadapan dengan pusat membeli-belah Plaza Gurney, Jalan Kelawai dan di hadapan Kompleks Axis, Jalan Cantonment dilihat sebagai langkah keselamatan terhadap kumpulan pejalan kaki di sini.

“Kita amat berharap dengan inisiatif ini, pengguna jalan raya khususnya kenderaan bermotor lebih memberi perhatian dan menghormati pejalan kaki.

“Pengguna jalan raya perlu sedar bahawa pejalan kaki adalah kumpulan yang sentiasa terdedah kepada bahaya dan perlu diberi keutamaan kerana mereka sentiasa cenderung menghadapi risiko kematian mahupun kecederaan,” katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman dan Ir. Zainuddin Mohd. Shariff (Jurutera Lalulintas MPPP).

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim tampil menyampaikan cek sumbangan berjumlah RM500 dan makanan asasi kepada Shamsudin.

Turut sama, Penghulu Parlimen Jelutong, Khalid Zakaria dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bandar Baru Jelutong, Tan Poh Hooi.

Siew Khim dalam padata itu turut menzhirkkan rasa simpati terhadap keluarga Shamsudin dan akan membantu mereka mencari dana untuk rawatan untut dan dialisis beliau.

Katanya, orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan dan mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Pusat Khidmat ADUN Sungai Pinang di talian 04 - 282 6630.



SHAMSUDIN Ismail yang menderita LIM Siew Khim (dua dari kiri) menyampaikan cek sumbangan dan barang asasi kepada Shamsudin Ismail di kediamannya di sini baru-baru ini.

## Gelanggang bola keranjang Desa Mawar siap

**GOLONGAN** belia dan kanak-kanak bersama-sama Wong Hon Wai (dua dari kiri) menunjukkan aksi bermain bola keranjang.



Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**SEBERANG JAYA** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memperuntukkan sejumlah RM3,000 bagi membaik pulih dan menaiktaraf gelanggang bola keranjang di Desa Mawar dekat sini baru-baru ini.

Hon Wai berkata, peruntukan tersebut termasuk kerja-kerja pemasangan dua tiang gol, jaring baharu dan membaiki lantai gelanggang tersebut.

“Saya harap dengan inisiatif ini, ia (gelanggang bola keranjang) dapat dimanfaatkan golongan belia di sini sama ada untuk bersukan, menjalani latihan atau pertandingan bola keranjang,” jelasnya pada sidang akhbar selepas majlis ringkas merasmikan gelanggang yang telah siap dibaik pulih di sini baru-baru ini.

Jun lalu, inisiatif sama turut diambil terhadap gelanggang bola keranjang



WONG Hon Wai memasang jaring gol bola keranjang sebagai gimik perasmian gelanggang yang telah siap dibaik pulih dan menaiktaraf di Desa Mawar dekat sini baru-baru ini.

berusia lebih 10 tahun di Desa Mawar di sini dengan kos pembaikan berjumlah RM4,700.

Malah, tahun lalu, Hon Wai turut memperuntukkan sejumlah peruntukan khas bagi menaiktaraf taman permainan dan fasiliti sukan di Jalan Cheeseman, Kampung Pisang, Jalan Shaik Madar dan Happy Valley dekat sini.

# Mangsa kebakaran dapat perhatian KM

Oleh: **WATAWA NATAF  
ZULKIFLI**  
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**AIR PUTIH** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini turun padang menyampaikan sendiri sumbangan kepada tiga mangsa insiden kebakaran di Kampung Baru di sini.

Beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menyampaikan sumbangan RM1,500 kepada seorang pemilik premis dan masing-masing RM3,500 kepada dua mangsa membabitkan kediaman sendiri.

Guan Eng berkata, sumbangan tersebut merupakan sumbangan daripada peruntukan beliau sebagai ADUN kawasan.

Dalam kejadian 9 September lalu, sebuah premis dan dua rumah terlibat

dalam kejadian kebakaran yang dipercayai berpunca daripada litar pintas.

Kejadian tersebut bagaimanapun tidak membabitkan kemalangan jiwa.

Salah seorang mangsa, Cheng Swe Tiang, 50-an, yang merupakan pemilik kedai elektrik melahirkan rasa terharunya berikutan lawatan Guan Eng.

“Saya bersyukur dengan sumbangan ini dan menerima ia dengan berbesar hati,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, warga emas Oh Poh In, 65, yang mana kejadian tersebut telah memusnahkan bahagian bumbung serta penghawa dingin kediannya turut melahirkan perasaan terharu dengan lawatan dan sumbangan Guan Eng.



SALAH seorang mangsa kebakaran menerima sumbangan khas daripada Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

## Tabiat penduduk jadi punca banjir kilat

Oleh: **AINUL WARDAH  
SOHILLI**  
Gambar : **MARK JAMES**

**TELUK BAHANG** – Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid menegur sikap sesetengah penduduk khususnya di kawasan berkepadatan tinggi sekitar sini yang mana sering menundung jari kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri apabila kediaman masing-masing dilanda banjir kilat acapkali hujan.

“Mereka (penduduk) sewajarnya menyalahkan diri sendiri juga memandangkan kejadian banjir kilat di kawasan ini berlaku disebabkan sikap mereka (penduduk) yang suka membuang sampah merata-rata,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika mengadakan tinjauan di beberapa kawasan di Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Turut serta, Penghulu kawasan Teluk Bahang, Amiruddin Mohd. Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Mohd. Nasaruddin Sultan serta wakil-wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Tambah Halil, perbuatan membuang sampah dan sisa buangan di merata-rata terutama longkang mengakibatkan sistem saliran dan perparitan sedia ada tersumbat dan tidak mampu menampung saliran hingga mengakibatkan banjir kilat.

“Mereka (penduduk) kata MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) tak buat kerja sampai menyebabkan longkang tersumbat sedangkan mereka (penduduk) juga yang



SAMPAH sarap yang dibuang di merata-rata merupakan punca kejadian banjir kilat di kawasan Teluk Bahang di sini.

menyebabkan longkang tersumbat dengan tin-tin minuman, botol dan plastik.

“Mereka (penduduk) campak apa sahaja sama ada dalam longkang mahupun dalam sungai-sungai kecil yang ada dan masalahnya, mengharapkan MPPP mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk membersihkannya,” ujar Halil Sabri.

Beliau menjelaskan bahawa masyarakat perlu faham dan mempunyai kesedaran sivik tinggi tentang kesan pembangunan dan sikap segolongan yang boleh mengganggu gugat kesejahteraan penduduk lain di kawasan sekitar.

“Kita tahu, setiap tahun mesti berlaku masalah ini (banjir) dan kita telah dan masih sedang mengambil tindakan perlu, tetapi penduduk perlulah mengambil sikap ambil tahu dan ubah tabiat suka membuang sampah di merata-rata tempat sehingga menyebabkan banjir kilat,” ujarnya yang berharap supaya penduduk sedar bahawa setiap tindakan mereka sedikit sebanyak mempengaruhi persekitaran.

## Teluk Bahang ‘digempur’ basmi kes denggi



ANGGOTA-anggota keselamatan dari pelbagai unit turut serta dalam program gotong-royong bersama komuniti Flat Seri Indah di sini baru-baru ini.

**TELUK BAHANG** – Menyedari peningkatan tinggi kes denggi di negeri ini, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid mengambil inisiatif menggempur kawasan wabak tidak terkawal di Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Halil Sabri ketika ditemui berkata, gotong-royong merupakan salah satu cara mengawal penularan demam denggi di Pulau Pinang.

Selain gotong-royong, beliau turut berharap penduduk di kawasan terjejas agar merubah tabiat dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan menjaga persekitaran kediaman masing-masing.

“Sewajarnya, masyarakat mengambil inisiatif sendiri dan tidak semata-mata mengharapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membersih kawasan kediaman

masing-masing.

“Kawasan persekitaran yang dilitupi sampah sarap terutamanya perlu dibersihkan kerana bakal menjadi tempat pemberian nyamuk aedes,” katanya sejurus selepas pengajuran program gotong-royong bersama komuniti Flat Seri Indah di sini baru-baru ini.

Turut serta, wakil Jabatan Kesihatan Barat Daya, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pasukan Bomba dan Penyelamat,

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Telok Awak dan wakil JKKK Teluk Bahang.

Bermula Januari hingga September 2014, sebanyak 1,598 kes denggi dicatatkan di negeri ini berbanding tahun lalu hanya 611 kes bagi tempoh yang sama.

### *Contoh:*

## Peraduan Lukisan PosKAgri



A vertical dashed line with a pair of scissors at both ends, indicating where to cut.

Sila isi butiran berikut:

Nama : \_\_\_\_\_

No. 1000 Kid's Book Awards

NC: MY (NUR) NATA PER IL MIGLIORE ALIA.

Alamat: \_\_\_\_\_


-----

Nama ||buk/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

卷之三

— 1 —

### *Contoh:*



Sumber Gambar : Internet

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :-
    - 1) 12 tahun dan ke bawah.
    - 2) Terbuka.
  2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
  3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
  4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
  5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
  6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
  7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
  8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
  9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
  10. Semua karya adalah hak milik pengajar.
  11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah **31 Disember 2014**.
  12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:  
Buletin Mutiara, Perbaduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,  
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

A small icon of a pair of scissors, positioned vertically along the right edge of the page, serving as a cutting guide.

Sila lisi butir

Nama :

N1-N2-M1-M2-V1; d1/d2

NO. 115

Alamat: - - -

- - - - -

Nama Ibu /

- 1 -

11.Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah  
12.Alamati semua borang penyertaan kepada  
Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kre-  
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.